THOUGHT LEADER '19

LAPORAN TAHUNAN | ANNUAL REPORT 2019



AKADEMI SAINS MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

2019

Imbas untuk membaca
versi digital
laporan ini.

THOUGHT LEADER '19

Laporan ini merupakan sumber maklumat utama mengenai Akademi Sains Malaysia (ASM). Laporan ini memberikan gambaran umum yang ringkas mengenai pencapaian kami serta prestasi kewangan dan bukan kewangan bagi tahun 2019. Penglibatan kami dengan pihak pemegang taruh dalaman dan luaran turut dibentangkan. Selain itu, inisiatif, rakan strategik, dan strategi serta matlamat masa depan kami turut dikemukakan untuk menunjukkan kredibiliti kami sebagai sebuah badan pemikir. Objektif kami adalah untuk memperkukuh kepercayaan para pemegang taruh melalui pelbagai input dan idea strategik yang kami usulkan.



KONSEP

Mentol telah lama dikenali sebagai simbol idea. Bentuk mentol yang diisi dengan kata kunci seperti "cemerlang", "inovasi", dan "pemikiran kreatif" menunjukkan idea-idea yang merupakan manifestasi nilai-nilai positif yang mengisi bentuk mentol tersebut.

Warna kuning dipilih kerana ia memberi gambaran nilai optimisme, kesedaran dan kreativiti, sesuai dengan matlamat ASM untuk membawa STI Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Pemilihan jenis huruf yang tidak formal mencerminkan tenaga ASM yang dinamik.

©Akademi Sains Malaysia
Tulisan dan Rekaan Akademi Sains Malaysia

KANDUNGAN

Mengenai ASM	06
Titipan Presiden	08
Ahli Majlis 2019-2020	10
Angka di Sebalik 2019	12
Input Strategik Untuk Ekosistem STI Yang Kukuh	14
Budaya Kecemerlangan Sains	28
Menaik Taraf Keupayaan Teknologi Industri	36
Pemahaman dan Kesedaran Awam Terhadap Sains	42
Komunikasi Sains	54
Mengukuhkan Kolaborasi dan Rangkaian Antarabangsa	58
Jaringan Pakar	62
Penyata Kewangan	72

SIAPA KAMI

ASM berusaha menjadi Peneraju Pemikir yang diiktiraf bagi isu berkaitan sains, teknologi dan inovasi.

ASM komited dalam memupuk kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi untuk kebaikan masyarakat sejagat.

AKTIVITI KAMI

ASM menyokong sains yang bermanfaat dengan menggalakkan aktiviti yang mempromosikan penglibatan, pemahaman dan literasi dalam sains, teknologi dan inovasi.

Sains di luar jangkauannya merupakan suatu pengalaman yang memacu kita ke arah yang lebih menarik, dipenuhi dengan penglibatan dengan pelbagai lapisan masyarakat. Pada akhirnya, komitmen ASM adalah untuk meningkatkan keupayaan saintifik negara ini.

KAJIAN STRATEGIK STI PERDANA & PENASIHAT DASAR

Laporan Penasihat & Kertas Posisi | Pembangunan Pelan Tindakan & Pelan Pembangunan | Pemikiran & Pandangan Masa Depan | Dasar Kebangsaan / Sektoral | Penilaian & Rumusan | Kewajaran Keputusan & Amalan Terbaik Dalam STI | Tindak balas terhadap isu nasional & antarabangsa

INISIATIF & RAKAN STRATEGIK

Kajian Diterajui Pakar | Komunikasi, Pembudayaan & Penglibatan dalam Sains | Pembinaan Kapaisiti STI | Anugerah, Geran dan Pengiktirafan | Hubungan Strategik STI

JARINGAN ANTARABANGSA

Ahli SCA, AASSA, IAP, APEC, ASEAN, TWAS | Program Saintis Muda – CERN & Lindau | Membida geran antarabangsa – ASEAN & APEC

KOMUNIKASI SAINS

Penerbitan | Jurnal Sains ASM | Komunikasi Korporat | Perhubungan Awam | Penglibatan Media | Pengurusan & Visualisasi Data

PROJEK RINTIS

Malaysian Collaborative Network for Innovation (i-Connect) | Malaysia Open Science Platform (MOSP)



Misi

- Menjadi Peneraju Pemikir
- Menjadi Badan Penasihat Apex dalam hal berkaitan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)
- Menjadi penggalak yang efektif terhadap kesedaran dan pemahaman awam tentang STI
- Menjadikan STI sebagai asas bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat



Fungsi

- Menasihati Kerajaan berkenaan hal STI yang berkepentingan kepada negara dan antarabangsa
- Memupuk budaya kecemerlangan Sains, Kejuruteraan dan Teknologi (SET) di Malaysia
- Membantu meningkatkan keupayaan teknologi sektor industri di Malaysia
- Menggalakkan kesedaran dan pemahaman umum mengenai kepentingan STI dalam kehidupan seharian
- Menjalin jaringan dan kerjasama antarabangsa
- Penerbitan saintifik



Strategi

- Memanfaatkan pemikiran saintifik untuk menentukan hala tuju STI negara
- Memupuk budaya kecemerlangan SET
- Memastikan input STI yang berwibawa dan tepat pada masanya
- Menggalakkan penggunaan dan aplikasi sains untuk kesejahteraan rakyat
- Memudahcara pelaksanaan strategi ekonomi berasaskan inovasi



Pemegang Taruh

Dalaman

Felo | Associates | Members of Young Scientists Network (YSN-ASM) | Top Research Scientists Malaysia (TRSM)

Luaran

Kerajaan Malaysia | Agensi | Industri | Institusi Penyelidikan | Institusi Pendidikan Tinggi | Badan Profesional STI | Organisasi STI Antarabangsa | Masyarakat



Piagam Pelanggan

- Memberi khidmat nasihat yang bebas, boleh dipercayai berasaskan data yang tepat pada masanya
- Komited dalam mewujudkan program yang berkualiti ke arah pembangunan asas STI negara yang kukuh
- Mewakili Malaysia dan komuniti saintifiknya di arena antarabangsa
- Menyebarkan pengetahuan saintifik

BUDAYAKAN SAINS. RAIKAN TEKNOLOGI. CETUSKAN INOVASI

PARA PEMBACA

Profesor Datuk Dr Asma Ismail FASc



KREDIT FOTO :
THE PRESTIGE MALAYSIA MAGAZINE

MENJELANG SAMBUTAN JUBLI PERAK

2019 – Tahun yang amat bermakna! Saya berasa teruja untuk meneruskan penggal kedua sebagai Presiden ASM – yang amat dikenali sebagai sebuah badan pemikir dalam bidang sains dan teknologi, berperanan dalam memperkasakan teknologi memuncul dan masa depan yang lestari.

Sejak penubuhan Akademi, setiap tahun ASM berdepan dengan pelbagai cabaran yang silih berganti, namun kami secara konsisten berusaha keras untuk mencapai matlamat kami. Tahun 2019 juga begitu. Program anjuran yang semakin banyak, pelbagai organisasi mula menghubungi kami untuk kajian perundingan, peranan kami di peringkat global menjadi semakin penting, dan rangkaian pakar kami makin berkembang.

Aktiviti-aktiviti ASM sememangnya melangkaui pelbagai bidang sains. Tahun ini, ASM terus memberikan khidmat nasihat yang boleh dipercayai dan relevan kepada Kerajaan. Kami juga telah menghadiri dalam 430 mesyuarat dan bengkel untuk memahami dunia dan trendnya yang sentiasa berubah demi masa hadapan yang lestari. Dalam usaha untuk mengenal pasti cara dan langkah bagi memenuhi keperluan negara, kami bekerja keras untuk mengukuhkan ekosistem inovasi negara yang bertujuan untuk mencipta kekayaan dan kesejahteraan masyarakat.

Selain menjalankan amanah sebagai penasihat Kerajaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan sains dan teknologi, Akademi juga telah menganjurkan program-program berasaskan STEM untuk menggalakkan minat dalam kalangan belia. Kami juga turut memastikan bahawa para pendidik lebih bersedia untuk mengajar mata pelajaran STEM. Mengapa kami memberi penekanan terhadap STEM? Kerana masa depan menuntutnya. Dalam perlumbaan global untuk inovasi, ekonomi yang pesat, dan kelestarian, STEM bukan hanya sekadar beberapa mata pelajaran yang diajar dalam kelas. lanya menjadi semakin penting kerana dunia hari ini bergantung kepada teknologi dan inovasi.

Pada tahun 2019, kami telah melantik 27 saintis, jurutera dan pakar teknologi terkemuka di Malaysia sebagai Felo baru dan memilih sembilan pakar untuk menerima anugerah *Top Research Scientists Malaysia (TRSM)*. Tahniah diucapkan kepada semua, khususnya kepada Academician Profesor Emeritus Dato' Dr Khalid Yusoff FASc, atas pelantikan sebagai Felo Kanan ASM. Felo-felo ini secara aktif menyumbang kepada hal-hal polisi dan penyelidikan Akademi, program jangkauan awam, geran dan dana, aktiviti antarabangsa serta aktiviti yang berkaitan dengan STEM.

Pada masa yang sama, kami terus bekerjasama dengan rakan strategik antarabangsa kami untuk meningkatkan aliran idea dan bakat dalam kalangan penyelidik. Seiring kemajuan sains dan teknologi, kolaborasi antarabangsa menjadi semakin penting. Penglibatan aktif ASM serta impak yang signifikan telah membolehkan kami untuk meletakkan diri kami sejajar dengan institusi saintifik yang lain.

BERMULA DENGAN MEMBINA PERHUBUNGAN

Kolaborasi merupakan satu pendekatan yang terbaik. Sebuah perhubungan yang dibina dan cara bekerjasama yang berbeza akan membantu kita untuk berkembang ke tahap yang baru. Saya percaya bahawa sekarang merupakan waktu yang sesuai untuk bekerjasama. Seperti kata pepatah,

> "jika anda ingin pergi cepat, pergilah sendiri; tetapi jika anda mahu pergi jauh, pergi bersama-sama."

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menyokong ASM melalui pelbagai kolaborasi dan sesi libat urus, serta sumbangan yang diterima, dan input yang diberikan. Kami tidak akan mampu untuk mencapai semua ini tanpa penyokong yang ingin melihat sains dan teknologi sebagai satu komponen penting dalam membentuk masa depan Malaysia.


1


2


3


5


6


7


9


10


11


13


14


15

AHLI MAJLIS 2019-2020









AHLI MAJLIS

1) PROFESOR DATUK DR ASMA ISMAIL FASc
Presiden (2019-2022)
Sains Perubatan dan Kesihatan

2) YM ACADEMICIAN TENGKU DATUK DR MOHD AZZMAN SHARIFFADEEN FASc
Timbalan Presiden (2018-2020)
Teknologi Maklumat dan Sains Komputer

3) DATUK PROFESOR DR AWG BULGIBA AWG MAHMUD FASc
Setiausaha Agong (2019-2021)
Sains Perubatan dan Kesihatan

4) DATUK DR ABDUL RAZAK MOHD ALI FASc
Bendahari (2019-2021)
Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri

AHLI BIASA (2018-2020)

5) IR DR AHMAD FAIZAL MOHD ZAIN FASc
Sains Kejuruteraan (2018-2020)

6) PROFESOR DR AHMAD ISMAIL FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2018-2020)

7) ACADEMICIAN TAN SRI DATO' IR TS AHMAD ZAIDEE LAIDIN FASc
Sains Kejuruteraan (2019-2021)

8) PROFESOR DATIN PADUKA SETIA DATO' DR AINI IDERIS FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

9) PROFESOR DATO' DR AISHAH BIDIN FASc
Sains Sosial dan Kemanusiaan (2018-2020)

10) IR TS CHOO KOK BENG FASc
Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri (2019-2021)

11) DR HELEN NAIR FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

12) ACADEMICIAN EMERITUS PROFESOR DATO' DR KHALID YUSOFF FASc
Sains Perubatan dan Kesihatan (2018-2020)

13) PROFESOR DATIN PADUKA DR KHATIJAH MOHD YUSOFF FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

14) EMERITUS PROFESOR DR PHANG SIEW MOI FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

15) PROFESOR DR SHAMALA DEVI K.C. SEKARAN FASc
Sains Perubatan dan Kesihatan (2019-2021)

16) PROFESOR DATO' DR MOHD ALI HASSAN FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2020)

ANGKA DI SEBALIK 2019

JARINGAN PAKAR

376 FELO AKADEMI SAINS MALAYSIA

27 FELO KANAN

8 KUMPULAN DISIPLIN

- Teknologi Maklumat & Sains Komputer
- Sains Biologi, Pertanian & Alam Sekitar
- Sains Kejuruteraan
- Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri
- Sains Perubatan & Kesihatan
- Matematik, Fizik & Sains Bumi
- Sains Kimia
- Sains Sosial & Kemanusiaan

10 PENERIMA ANUGERAH MSAF

166 PENERIMA TRSM

170 AHLI YSN-ASM

40 AHLI GABUNGAN

INPUT STRATEGIK

4 **LAPORAN STI:**
Industri Nadir Bumi
Perubatan Kepersisan
Pengurusan Permintaan Air
Sains Halal

2 **SPECIAL INTEREST GROUPS:**
Ekonomi Hidrogen
Pembelajaran Mesin

7 **RAKAN STRATEGIK:**
Kajian Utama Negara

1 **KAJIAN PERDANA:**
Science Outlook 2020

INISIATIF & AKTIVITI

278	37	11	2	1	1
WACANA	LIBAT URUS PEMEGANG TARUH	SESI PERKONGSIAN ILMU	PROJEK RINTIS	INISIATIF	PROGRAM PERDANA

6 PENERBITAN

26,109

JUMLAH PEMBACA

24

ARTIKEL DALAM ASM SCIENCE JOURNAL

+6 Isu Khas

LIPUTAN MEDIA & CAPAIAN

157 BERITA **DALAM TALIAN & CETAK**

53,395 KOMUNITI MEDIA SOSIAL

12 **ISU** (SURAT BERITA DIGITAL) **ASM** FOCUS

INPUT STRATEGIK UNTUK EKOSISTEM STI YANG KUKUH

Kami bergerak ke arah merealisasikan aspirasi sejajar dengan tujuan ASM untuk menangani keperluan negara dan masyarakat berpaksikan sains, teknologi dan inovasi (STI) ke arah mencapai impak sosio-ekonomi yang bermakna. Kami komited dalam memberikan input strategik kepada penggubal dasar, komuniti saintifik, pemimpin industri dan masyarakat untuk membina asas yang kukuh bagi mencorak masa depan yang cerah dan memastikan masyarakat yang progresif.

Analisis yang teliti, penilaian bukti secara objektif, dan responsif terhadap perubahan adalah sebahagian daripada budaya kerja kami. Analisis data dan sintesis dapatan kajian merangkumi pelbagai topik seperti Ekosistem dan Tadbir Urus STI, Teknologi Memuncul dan Pemikiran Masa Hadapan, Sains Kelestarian, dan aspek Sosio-ekonomi yang lain untuk menghasilkan input bernas dan syor yang releven.



Fokus utama kami adalah memastikan kebolehpercayaan input, ketepatan masa dan kesesuaian dalam pemberian input-input strategik mengenai isu-isu berkaitan STI di peringkat nasional dan antarabangsa. Input kami adalah berdasarkan maklum balas dari pelbagai sektor, pemikiran futuristik dan pendekatan yang melangkau batas disiplin konvensional. Penterjemahan dan komunikasi input secara tepat dan efektif kepada penggubal dasar dan undang-undang, pemimpin industri, dan masyarakat dititikberatkan.

Di ASM, kami bekerja secara pasukan. Setiap individu, dari pakar bidang khusus kepada penganalisis, memainkan peranan penting dan saling bergantung antara satu sama lain. Kami memanfaatkan kepakaran lebih 700 pakar terulung negara dalam menangani isu-isu memuncul. Ilmu pengetahuan yang kami pelajari di arena antarabanga diadaptasi dan digunapakai bagi memenuhi keperluan negara. Kolaborasi, penglibatan menyeluruh pemegang taruh dan kepelbagaian pemikiran menjadi tunjang pendekatan kerja kami.

74 PENERBITAN BERKAITAN ISU STI SETAKAT INI



RANTAIAN NILAI UNTUK IMPAK

Policy and Strategy Development- Activity Value Chain & Process Flow



Sumber: YM Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc, 2015



NADIR BUMI: PELUANG EKONOMI BARU?

Malaysia seharusnya mengambil bahagian dalam rantaian industri nadir bumi ini kerana ianya mempunyai ciri untuk membina ekosistem yang teguh. Memandangkan industri teknologi tinggi negara terus berkembang maju, bekalan bahan mentah nadir bumi yang mencukupi adalah penting. Oleh itu, pembangunan industri nadir bumi akan memberi kelebihan kepada Malaysia.

Penciptaan dan penubuhan industri bernilai tinggi sebegini di Malaysia akan mendorong pengembangan bakat yang berterusan (dari perlombongan hingga pemprosesan hingga pembuatan) serta menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nasional.

Lynas Advanced Material Plant (LAMP) telah beroperasi sejak 2012. Ia pernah menjadi isu perdebatan alam sekitar yang hangat di Malaysia dan terus menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan rakyat. Kabinet Malaysia telah memutuskan untuk melanjutkan lessen operasi LAMP, dengan beberapa syarat yang perlu dipatuhi.

LAMP, yang merupakan satu-satunya pengeluar nadir bumi selain negara China, menghasilkan lanthanides, nama bagi gabungan 17 elemen yang penting dalam pembuatan industri berkualiti tinggi untuk bateri, komputer, televisyen, magnet dan telefon pintar.

» • Baca laporan kajian

PERUBATAN KEPERSISAN

ASM's Precision Medicine Initiative for Malaysia telah dimulakan pada bulan September 2017. Badan Bertindak ini dipengerusikan oleh Profesor Datuk Dr A Rahman A Jamal FASc dan mempunyai sembilan ahli. Tujuan inisiatif ini adalah untuk mengemukakan syor ke arah meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perubatan kepersisan (*Precision Medicine*) dan mengarusperdanakannya untuk melengkapi amalan klinikal semasa.

Perubatan kepersisan merupakan pendekatan memuncul yang mula mendapat perhatian kerana keperluan pencegahan dan rawatan penyakit yang tepat dan bersesuaian dengan setiap individu. Ianya merupakan satu pendekatan untuk pencegahan, diagnosis dan rawatan penyakit yang memaksimumkan keberkesanan dengan mengambil kira kebolehubahan individu dari segi reka bentuk genetik, persekitaran dan gaya hidup. Perubatan kepersisan boleh menyediakan nilai tambah dalam penjagaan kesihatan, meningkatkan keberkesanan dan mengurangkan kos rawatan.

Kepelbagaian etnik di Malaysia adalah 'lubuk emas' kerana kepelbagaian data genomik seperti ini dicari-cari oleh syarikat farmaseutikal di seluruh dunia. Kepelbagaian maklumat genetik ini mempunyai potensi besar untuk analisis dan ramalan bagi jenis rawatan yang tepat dan sesuai bagi seseorang individu.

Badan Bertindak ini telah memetakan lanskap inisiatif persendirian atau berkumpulan di Malaysia dan berpendapat bahawa inisiatif di peringkat Nasional harus dilaksanakan untuk usaha yang lebih bersepadu. Ini adalah untuk melindungi data genetik dan menguruskan akses ke 'lubuk emas' ini dengan lebih teratur bagi memanfaatkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) yang berimpak serta kerjasama antarabangsa. Kerangka perundangan dan peraturan yang kukuh disokong oleh Akta yang relevan seperti Akta Perlindungan Data Peribadi yang khusus untuk data genetik manusia adalah diperlukan.

ASM Task Force on Precision Medicine: Public Engagement Workshop telah diadakan pada bulan November 2019 untuk mengumpul input dan maklumbalas daripada pihak berkepentingan mengenai faedah memperkenalkan perubatan kepersisan bagi melengkapi perkhidmatan perubatan konvensional. Badan Bertindak ini akan menyediakan satu Kertas Posisi yang akan dibentangkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia selepas mendapat kelulusan daripada pihak *STI Policy and Advisory Committee* (STIPAC) dengan tujuan meletakkan perubatan kepersisan sebagai salah satu bidang utama dalam tempoh lima tahun akan datang melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12).



STRATEGI UNTUK MEMPERBAIKI PENGURUSAN PERMINTAAN AIR DI SARAWAK

Ketika *ASM Task Force on Water Demand Management* menganjurkan bengkel di Sarawak untuk *Study on Water Demand Management for Malaysia* pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Sarawak telah memohon satu laporan khas bagi Sarawak supaya dapat meningkatkan kesiapsagaan negeri Sarawak dalam aspek ini. Oleh kerana aliran yang tidak terkawal dan kualiti air yang makin menurun, peralihan daripada pendekatan pengurusan berasaskan bekalan semasa, kepada pengurusan yang lebih lestari adalah penting.

Menurut laporan kajian ini, penambahbaikan struktur tadbir urus air di Sarawak merupakan salah satu kunci untuk pengurusan air yang lebih lestari. Cadangan utama laporan tersebut adalah:

- Menerapkan definisi pengurusan permintaan air yang lebih menyeluruh
- Merangka Pelan Pengurusan Permintaan Air Bersepadu
- Mengukuhkan penglibatan masyarakat melalui platform pihak pemegang taruh rasmi yang dihubungkan dengan Majlis Sumber Air Sarawak
- Menubuhkan *Agriculture Water Services Organisation*
- Merangka model Neksus Air-Tenaga-Makanan untuk pengurusan air yang juga akan mempertimbangkan air untuk ekosistem / alam sekitar

Penemuan dari draf laporan akhir telah dibentangkan ke Majlis Sumber Air Sarawak yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Pembentangan tersebut diterima dengan baik.

LAPORAN INI MENGEMUKAKAN

27 strategi merangkumi **17** aspek:



INDUSTRI HALAL YANG PESAT

Halal bukan sekadar satu hukum Islam yang hanya menyentuh hal makanan dan minuman. Bahkan, industri halal global merupakan satu ekosistem yang menyeluruh, dari farmaseutikal, barangan kosmetik, fesyen dan industri lain.

Malaysia kini merupakan salah satu pemain utama dalam pasaran halal global, dengan eskport halal negara dijangka mencecah USD12 bilion menjelang 2020 (*The Malaysia Reserve*, 2019). Untuk merangsang lagi perkembangan industri halal negara dan menjadi hab halal global, STI perlu dimanfaatkan. Kemajuan STI telah memacu perkembangan bahan halal dalam produk makanan diproses, farmaseutikal, kosmetik, penjagaan diri, dan sebagainya. Ini boleh dilihat dari piawaian yang diamalkan oleh pengeluar produk dan perkhidmatan halal yang memerlukan pekerja berlatarbelakangkan bidang sains halal.

ASM Task Force on the Science of Halal Initiative dipengerusikan oleh Academician Tan Sri Dato' Ir Ts Ahmad Zaidee Laidin FASc. Badan Bertindak ini telah merangka satu Kertas Posisi yang menekankan keperluan penubuhan ekosistem menyeluruh yang disokong oleh dasar nasional dan strategi bagi mengatasi cabaran dan merebut peluang dalam industri halal global berpaksikan STI untuk transformasi industri ini. Antara cadangan yang diusulkan adalah:

- Memperkasakan Majlis Halal Malaysia yang akan memantau perkembangan agenda halal negara, termasuklah kajian dan penyelidikan bagi Sains Halal. Majlis Halal Malaysia perlu disokong oleh penggubal dasar, saintis, dan wakil industri bagi mengenal pasti bidang keutamaan dan tertumpu untuk kajian berkaitan halal.
- Badan pemikir sains halal perlu menubuhkan dan mengurus dana khas untuk menampung kajian bidang sains halal, terutamanya dalam penyelidikan pra-pengkomersilan (*experimental development*). Badan pemikir sains halal juga diusulkan untuk bekerjasama dengan Majlis Halal Malaysia untuk mendapatkan dana dari badan-badan tempatan dan antarabangsa (contoh: *Organisation of Islamic Cooperation (OIC*) dan *Islamic Development Bank (IDB)*).
- Konsortium penyelidikan sains halal harus disokong untuk menggalakkan saintis tempatan untuk bekerjasama dan memantau bakat, sumber dan kemudahan untuk kajian dan inisisatif Sains Halal. Pangkalan data saintis halal, kepakaran dan penerbitan kertas penyelidikan mereka harus dikembangkan untuk membina rangkaian dan mencipta peluang kolaborasi, meningkatkan keterlihatan kepada komuniti saintifik serta pihak berkepentingan yang berkaitan, dan bertindak sebagai titik rujukan bagi semua penyelidik sains halal.
- Platform kolaboratif dalam industri halal, seperti di bawah *Malaysian Collaborative Network Platform for Disruptive Innovation (i-Connect)*, perlu menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Halal tempatan dalam usaha pendigitalan operasi dan menggalakkan P&P kolaboratif dengan pihak universiti tempatan.



MENYELAK LEMBARAN BARU; *SIG*

ASM telah memulakan langkah membentuk *Special Interest Group (SIG)* untuk meneroka bidang penting dan memuncul merentasi disiplin bagi Malaysia dari segi merealisasikan pertumbuhan ekonomi, kemajuan masyarakat, peningkatan daya saing, fokus masa depan dan kelestarian. SIG diterajui oleh pakar dan proaktif dalam merapatkan jurang antara penjana dan pengguna ilmu pengetahuan untuk tindakan kolaboratif dan transformatif agar Malaysia sentiasa di hadapan.

EKONOMI HIDROGEN

Pertumbuhan hijau semakin mendapat perhatian dalam usaha membentuk masyarakat yang lebih lestari. Seperti negara-negara lain di seluruh dunia, Malaysia komited untuk menuju masa depan tenaga bercirikarbon rendah. Hal ini mendorong ASM untuk menubuhkan *Special Interest Group on Hydrogen Economy*, yang dikendalikan oleh Profesor Dato' Ir Dr Wan Ramli Wan Daud FASc. SIG ini telah menghasilkan kertas posisi yang holistik dan disokong bukti yang menggariskan peluang dan cabaran bagi Malaysia untuk menceburkan diri dalam Ekonomi Hidrogen.

Rangkaian bekalan Hidrogen Ekonomi yang lengkap, dari pengeluaran, penyimpanan dan pengangkutan hidrogen hingga penggunaan, telah dibincangkan. Teknologi hidrogen yang paling sesuai untuk Malaysia, seperti *electrolyser* dan sel bahan api, telah diketengahkan. Pelan tindakan dicadangkan untuk Rancangan Malaysia ke-12 dan seterusnya bagi membina ekosistem yang kondusif untuk Ekonomi Hidrogen di Malaysia. Empat aspek utama ekosistem, iaitu tadbir urus, penerimaan masyarakat dan pasaran, kesediaan bakat dan pengetahuan teknikal serta keperluan kewangan telah dibincangkan.



PEMBELAJARAN MESIN

Dipengerusikan oleh YM Academician Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen FASc, *ASM Special Interest Group on Machine Learning (SIGML)* ditugaskan untuk menyediakan Kertas Posisi mengenai peranan penting Kecerdasan Buatan / Pembelajaran Mesin dalam pembangunan Malaysia. Kertas ini juga mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan ekonomi dan jurang data negara untuk perancangan dan penggunaan ML /AI.

Kertas kerja ini mensyorkan yang berikut untuk membina ekosistem data dengan tujuan membangunkan AI untuk penyelesaian tempatan:

1. Merangka pelan hala tuju strategik yang berfokus kepada STI negara untuk mengubah cara Malaysia melihat maklumat, data dan nilai yang boleh dijana melalui AI untuk faedah ekonomi dan sosial.
2. Mencadangkan penubuhan Jawatankuasa AI Nasional untuk menyelaraskan semua projek AI bertaraf kebangsaan di bawah naungan Majlis Sains Negara
3. Memperkenalkan peranan Data Czar dan Rangka Kerja Tadbir Urus Data Kebangsaan untuk memastikan ekosistem data yang boleh meningkatkan akses kepada data awam dan swasta yang tidak sensitif bagi tujuan penciptaan nilai.
4. Membina *"AI Makerspace"* yang akan memanfaatkan platform kolaborasi sedia ada untuk mengembangkan AI untuk solusi tempatan dalam empat bidang fokus yang dikenal pasti: (i) Bandar Pintar, (ii) Pembuatan Digital, (iii) Pertanian Kepersisan & (iv) Penjagaan Kesihatan yang Terhubung
5. Melengkapkan bakat Malaysia dengan kecekapan dan kemahiran untuk menggunakan teknologi dan aplikasi AI.



KERJASAMA STRATEGIK UNTUK KAJIAN UTAMA NEGARA

KAJIAN DASAR DAN PELAN INDUK SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

ASM telah diberikan mandat untuk mengkaji semula Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi 2013-2020 dan merangka Dasar Sains, Teknologi, Inovasi 2021-2030 yang baru oleh Kementerian Sains Teknologi & Inovasi (MOSTI) (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, MESTECC). Hal ini bertepatan dengan aspirasi kerajaan yang ingin memastikan Malaysia menjadi negara maju dengan mengarusperdanakan STI. ASM juga telah diamanahkan untuk membangunkan Pelan Induk Sains, Teknologi, Inovasi Malaysia (STIMP) 2020-2030. Langkah ini amat penting bagi menyelaras dan melaksanakan semua dasar berkaitan STI ke arah memanfaatkan peluang STI untuk impak sosio-ekonomi.

Menyedari bahawa STI adalah antara pemacu utama untuk memastikan Malaysia berkembang maju, menjadi negara yang progresif, harmoni, makmur dan lestari, kami telah melangkah lebih jauh untuk memurnikan dan mengintegrasikan penemuan dan cadangan NPSTI (2021-2030) dan STIMP (2020-2030). Dengan ini, satu dokumen Dasar dan Pelan Induk STI (2021-2030) yang bersepadu terhasil ke arah memastikan penyelarasan, kolaborasi, dan penggemblengan sumber yang cekap.

7 Teras Strategik

22 Strategi

40 Langkah Polisi

89 Inisiatif

97 Petunjuk

10 Mesej Utama Polisi

MENGATASI PENCEMARAN MERENTASI SEMPADAN

Pencemaran merentasi sempadan – pencemaran yang berasal dari satu negara yang merentasi sempadan dan menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar dan lain – telah memberi kesan buruk terhadap kesihatan dan ekonomi negara-negara ASEAN sejak beberapa dekad yang lalu. Episod jerebu yang berterusan terutamanya menunjukkan usaha diplomatik tidak membuahkan hasil. Keadaan ini menggesa Kerajaan Malaysia untuk mempertimbangkan undang-undang bagi membendung pencemaran merentasi sempadan ini. Penguatkuasaan akta di luar jangkauan bidang adalah sesuatu yang mencabar dan tidak dapat dielakkan.

Sebagai rakan strategik MESTECC, ASM menubuhkan satu badan bertindak yang diketuai oleh Professor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc untuk mengkaji keperluan akta Local and Transboundary Pollution. Pada 20 Disember 2019, badan bertindak ini telah membentangkan hasil dapatan kepada YB Menteri MESTECC, menyampaikan justifikasi kepada keperluan akta pemcemaran merentasi sempadan, serta mencadangkan mekanisme yang penting bagi membolehkan penguatkuasaan undang-undang berjalan secara efektif.

PENILAIAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

ASM telah ditugaskan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (sebelumnya Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) untuk membuat penilaian semua terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (EQA1974). Tugasan ini bermula pada November 2019.

ASM dilihat sebagai rakan strategik yang sesuai kerana mempunyai rangkaian pakar yang releven serta Felo ASM yang diiktiraf di peringkat kebangsaan. ASM bertanggungjawab untuk mengenal pasti jurang dalam akta tersebut dan memberikan cadangan penambahbaikan ke arah memperkasa undang-undang sedia ada. Jawatankuasa Pemandu ini telah dipimpin oleh Academician Professor Emeritus Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc dan komited dalam menangani isu-isu berkaitan kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang, kelemahan dalam isu ketelusan dan akses kepada maklumat, serta tadbir urus yang lemah.

Peruntukan undang-undang berkenaan perubahan iklim, *circular economy* dan penyertaan masyarakat juga dicadangkan bagi mengubah pengurusan alam sekitar daripada pendekatan reaktif kini kepada pendekatan pencegahan. ASM yakin bahawa input daripada pakar akan membolehkan undang-undang alam sekitar yang menyeluruh dan releven untuk masa kini. Kementerian dan agensi berkaitan sedang meneliti dan melaksanakan proses-proses berkaitan ke arah merealisasikan penguatkuasaan undang-undang tersebut. Ini akan melonjakkan kedudukan Malaysia dalam perundangan alam sekitar di peringkat antarabangsa.

TINJAUAN SEPARUH PENGGAL PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)

Untuk menilai keberkesanan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) dan pelaksanaan programnya, Kementerian Pendidikan telah memberi mandat kepada ASM untuk menganalisis dan menilai pencapaian semasa dan impak strategi dan inisiatif di bawah MEB (HE). Kajian ini merangkumi penilaian terhadap 10 lonjakan yang relevan untuk membentuk landskap pendidikan Malaysia mengikut keperluan semasa dan masa hadapan. MEB (HE) menekankan keperluan melahirkan graduan berciri keusahawanan, bukan hanya mencari kerja. Oleh itu, perkembangan bakat yang menyeluruh, terutamanya dari segi penerapan pemikiran keusahawanan, kemahiran *'start-ups'*, perlu diperkukuhkan. Penilaian pelan pembangunan ini juga menunjukkan bahawa sistem pendidikan perlu diselaraskan di semua peringkat untuk membolehkan peningkatan dan perkembangan ilmu pengetahuan yang berterusan dalam mempersiapkan graduan untuk masa depan.

ANALISIS ASM :

Berdasarkan *IMD World Talent Ranking 2018*, Malaysia menduduki tempat ke-**22 daripada 63 negara**. Namun, Malaysia berada di tempat ke-99 dari 137 dalam "*Start-up Skills*", sub-komponen *Global Entrepreneurship Index* 2018

KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN MALAYSIA

Malaysia telah mengamanahkan lima universiti terbaik iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk menerajui aktiviti Penyelidikan & Pembangunan (P&P) negara. Kelima-lima universiti ini dikenali sebagai Universiti Penyelidikan Malaysia (MRUs) dan merupakan pemangkin penting untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan serantau dan global dan menjadi percubaan *(testbed)* bagi industri terkemuka dunia untuk menjalankan aktiviti P&P yang inovatif. ASM sebagai rakan strategik telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjalankan penilaian impak daripada pelaksanaan kesemua universiti penyelidikan ini.

Kajian ini melaporkan bahawa kesemua universiti penyelidikan ini telah menunjukkan prestasi yang cemerlang apabila dibandingkan dengan universiti lain yang turut mempunyai kriteria yang sama. Kesemua MRU memiliki asas-asas pembangunan *(building blocks)* yang perlu untuk pengukuhan kedudukan mereka di arena global. Sokongan yang berterusan daripada ekosistem luaran terutamanya dari aspek dana, perundangan dan peraturan serta insentif akan membolehkan MRU terus maju dan mempunyai ekosistem penyelidikan yang mantap. Ini seterusnya akan meningkatkan daya saing serta membolehkan penemuan P&P diterjemahkan untuk memacu sektor utama ekonomi dan menyumbang kepada pembangunan negara. Hasil kajian ini telah membantu dalam menyediakan rangka kerja nasional untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan nasional yang bersepadu dalam membangunkan sektor sosio-ekonomi yang berpandukan Sains dan Teknologi.

ANALISIS ASM :

Sejak 2013, Malaysia mempunyai **120,000 Penerbitan Penyelidikan** dan **39%** penyelidikan berimpak tinggii tetapi berada di kedudukan **71 dari 129 negara** dalam *Knowledge Creation*, sub-komponen bagi *Global Innovation Index* pada tahun 2019

DASAR KEUSAHAWAN NEGARA

ASM merupakan rakan strategik kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan) yang telah membangunkan Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030. Melalui dasar ini, MEDAC berharap untuk merangka hala tuju ke arah mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif untuk menyokong agenda sosio-ekonomi negara. Rancangan jangka panjang ini menggariskan lima objektif, lima sasaran, 19 strategi dan 62 inisiatif yang akan dilaksanakan untuk mengembangkan ekosistem keusahawanan di semua bidang industri yang merangkumi setiap peringkat usahawan dan masyarakat.

Menurut statistik Banci Ekonomi 2016, peratusan terbesar perniagaan di Malaysia adalah terdiri daripada PKS yang menyumbang 98.5% (907,065) daripada jumlah perniagaan. Daripada ini, 76.5% (693.670) terdiri daripada perusahaan mikro, 21.2% (192.783) sebagai perusahaan kecil dan selebihnya 2.3% (20.612) merupakan perusahaan sederhana. DKN ini bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai negara keusahawan menjelang 2030 dengan menyediakan pelbagai peruntukan termasuklah penerapan elemen STI untuk produk dan perkhidmatan dengan nilai tambah bagi meningkatkan daya saing dan peluang perniagaan. DKN menekankan kolaborasi yang efektif, penyelarasan merentasi pelbagai entiti di tahap nasional, komitmen serta sokongan daripada semua pemegang taruh sebagai pemacu untuk Malaysia menjadi ekonomi yang maju, mempunyai pertumbuhan ekonomi yang saksama serta inklusif.

ANALISIS ASM :

Malaysia berada di tempat ke **58 daripada 137 negara** dalam *Global Entrepreneurship Index 2018* tetapi mencatat skor terendah untuk ***Technology Absorption (9%), Product Innovation (12%),* dan *High Growth (13%).***

BADAN BERTINDAK INSIDEN SUNGAI KIM KIM & PASIR GUDANG

Tragedi Sungai Kim Kim dan Pasir Gudang telah mencetuskan kesedaran di seluruh negara mengenai pengurusan kimia yang lemah dan pertumbuhan industri yang tidak terkawal yang telah menyebabkan bahaya kepada masyarakat. Negara telah menyaksikan kes pencemaran kimia pertama yang menyebabkan penutupan semua sekolah di Pasir Gudang.

Untuk mengemukakan cadangan holistik kepada kerajaan, ASM telah menubuhkan *Task Force on Sg Kim Kim and Pasir Gudang Incidents*, yang diketuai oleh Profesor Dato' Ir Dr Wan Ramli Wan Daud FASc. Dalam masa enam minggu, Badan Bertindak ini telah bersidang empat kali, mengadakan lawatan ke Pasir Gudang, dan membentangkan laporan akhir kepada YB Menteri MESTECC dan YAB Menteri Besar Johor.

Cadangan:

1. Zon penampan keselamatan yang disemak semula selari dengan penemuan oleh *Loading Analysis and Carrying Capacity Study in Pasir Gudang* yang dibentang oleh sekumpulan ahli akademik dan agensi kerajaan kepada kerajaan negeri Johor dan MESTECC ketika itu.
2. Penggunaan *Gas Chromatograph / Mass Spectrometer (GCMS)* dengan pengesan pengionan api (FID) dan pengesan pengionan foto (PID) untuk ditempatkan di Pasir Gudang. Pihak Kementerian telah membeli 25 alat pengesan gas automatik (GCMS PID) untuk ditempatkan di Pasir Gudang sebagai sistem amaran masa nyata.
3. Penubuhan Jabatan Alam Sekitar yang baru di Pasir Gudang untuk penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih baik.

30 TAHUN PEMBANGUNAN STI: MENGUKUR IMPAK EKONOMI, SOSIAL DAN ALAM SEKITAR

Science Outlook 2020 merupakan Edisi Khas yang akan meneliti status lanskap STI terdahulu dan semasa di Malaysia untuk 30 tahun yang lalu, sejak bermulanya Wawasan 2020. Ianya bertujuan untuk menilai kemajuan dan perkembangan STI di Malaysia dalam tiga teras utama iaitu ekonomi, sosial, dan alam sekitar.



AKAN DILANCARKAN PADA 2021

BUDAYA KECEMERLANGAN SAINS

Ramai telah mula menyedari keperluan untuk menguasai kemahiran STEM. Situasi ini mewujudkan lebih banyak peluang untuk Akademi untuk membuktikan bahawa STEM amat penting (dan juga menyeronokkan)

ASM sentiasa memberi penekanan terhadap subjek STEM. Kami arif betapa pentingnya mendidik generasi muda dalam bidang ini. Negara kita sentiasa memerlukan bakat yang terlatih. Melalui program yang berkaitan dengan STEM, kami berhasrat untuk melengkapkan generasi akan datang dengan kemahiran untuk memimpin masa depan yang kita semua inginkan suatu hari nanti.

ASM bertujuan untuk memberi inspirasi kepada golongan muda untuk meneruskan kerjaya dalam bidang STEM. Dalam usaha menangani cabaran kekurangan graduan STEM yang berkelayakan, ASM telah melaksanakan pertandingan sains peringkat kebangsaan yang dikenali sebagai *National Science Challenge* (NSC). Melalui NSC, peserta didedahkan kepada modul yang kompleks yang memerlukan pemikiran kreatif. Kami berhasrat untuk menggalakkan lebih dari seratus ribu peserta untuk mengikuti program ini pada tahun 2020.

Usaha kami tidak terhad kepada golongan muda sahaja. Sama ada dengan memperkasakan pendidik STEM, memperkenalkan pelbagai inisiatif, atau bekerjasama dengan organisasi pendidikan terkemuka, ASM tetap komited dalam mempersiapkan generasi hari ini untuk terus menceburi bidang STEM.



MEMUPUK BAKAT LOKAL DALAM BIDANG PERHUTANAN DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Kepelbagaian biologi yang luar biasa di hutan Borneo menawarkan peluang P&P untuk memulihara, melindungi dan mengurus warisan yang tidak ternilai. 'Makmal semula jadi' ini membolehkan Malaysia untuk melatih, memupuk dan mengembangkan bakat tempatan dalam kalangan saintis muda serta memanfaatkan pakar tempatan dalam bidang perhutanan dan kepelbagaian biologi ke arah mengukuhkan kemampuan dan kebolehan negara dalam bidang ini.

Sejak tahun 2006, ASM telah bekerjasama dengan *Sabah Foundation (SF)* dalam menghubung dan membawa para saintis dari institusi Malaysia untuk melakukan ekspedisi dan penyelidikan di hutan-hutan di Sabah. Sejak 2016, ASM diberi kepercayaan oleh SF untuk mengembangkan dan melaksanakan program penyelidikan saintifik untuk *Imbak Canyon Rainforest Research and Training Programme* (ICRRTP).

Lawatan ke Kawasan Pemuliharaan Imbak Canyon (ICCA) telah diadakan pada 17 - 20 Februari 2019 oleh *ASM Task Force on ICRRTP*. Melalui lawatan ini, peluang untuk penyelidikan di ICCA dan kemudahan yang terdapat di Pusat Pengajian Imbak Canyon telah dikenal pasti untuk ICRRTP. Antara bidang penyelidikan berpotensi untuk ICRRTP adalah seperti berikut:

1. Penilaian status biodiversiti berdasarkan genomik dan maklumat
2. Perhubungan koridor dan perubahan lanskap
3. Kesihatan, biodiversiti dan perubahan ekosistem
4. Pengurusan kawasan legeh dan Hidrogeomorfologi
5. Perubahan iklim



MALAYSIA CODE OF RESPONSIBLE OF CONDUCT IN RESEARCH (MCRCR)

The Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR) merupakan satu inisiatif untuk melengkapi dan menambah nilai usaha-usaha menggabungkan penyelidikan dan sains di Malaysia selama ini. MCRCR membuktikan bahawa penyelidik dan entiti penyelidikan Malaysia komited terhadap integriti dan tanggungjawab dalam menuntut ilmu.

MCRCR telah disahkan oleh Majlis Sains Negara pada tahun 2017. Ianya dirumus melalui rundingan dengan pelbagai pihak berkaitan seperti universiti, institusi penyelidikan, kementerian, penyedia dana penyelidikan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), penyelidik dan pihak berkuasa undang-undang. Pelbagai perbincangan, bengkel dan sesi latihan yang melibatkan kementerian, entiti penyelidikan, pengurusan penyelidikan, dan penyelidik individu telah diadakan. Salah satu pencapaian utama MCRCR adalah Kursus dan Penilaian MCRCR pada tahun 2018. Kursus ini dilaksanakan pada bulan Januari dan Ogos 2019 bersama penyelidik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Dari 80 peserta, 75 orang lulus dalam penilaian.

Ahli Jawatankuasa, ASM (2019)

- Objektif: untuk memudahcara, menyelaras dan memantau pelaksanaan MCRCR

Pengerusi:
Profesor Emeritus Akademik Dato' Dr Khalid Yusoff FASc

- Ahli:
  - MESTECC
  - KPM
  - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
  - ASM
  - Akademi Perubatan Malaysia
  - UPM
  - UM
  - UKM
  - Universiti UCSI

KONSORTIUM SAINS KEBANGSAAN

NATIONAL CENTRE FOR PARTICLE PHYSICS (NCPP)

Sebagai pusat yang mumudahcara kolaborasi saintifik dalam fizik zarah, NCPP berperanan sebagai titik fokus untuk pengembangan pengetahuan baru dalam teori tenaga tinggi dan fizik zarah serta kerjasama dengan pusat penyelidikan dan eksperimen antarabangsa.

Pusat ini telah mengetuai penerokaan nasional dalam penyelidikan fizik zarah eksperimen melalui usaha dan penglibatan dalam penyelidikan fizik teori serta fizik zarah dan fizik tenaga tinggi dengan pusat kecemerlangan antarabangsa (COE).

NCPP secara aktif bekerjasama dan menghantar penyelidik ke empat COE terbaik:

- *Central Muon Solenoid (CMS) European Organization for Nuclear Research (CERN), Geneva, Switzerland*
- *Deutsches Elektronen-Synchrotron (DESY), Hamburg, German*
- *High Energy Accelerator Research Organization (KEK), Tsukuba, Japan*
- *Osaka University, Osaka, Japan*

Pada tahun 2019, NCPP menganjurkan dua program saintifik dan peningkatan kapasiti untuk pelajar sarjana dan penyelidik:

- ***National School of Particle Physics***
  (25 – 27 Februari 2019)
  Platform untuk pelajar tempatan mengambil bahagian dalam pembelajaran secara langsung dan komprehensif mengenai fizik zarah, yang dijalankan oleh pakar dari pelbagai pusat penyelidikan fizik zarah terunggul di dunia. Tiga peserta dari program ini dipilih sebagai peserta Malaysia untuk Program Pelajar Musim Panas CERN (CSSP) 2019 di Geneva.

- **Konferens Zarah & Daya 2019**
  (31 Oktober 2019)
  Persidangan ini dianjurkan bersama dengan UKM dan Agensi Nuklear Sains bersempena dengan *International Nuclear Science, Technology and Engineering Conference* (iNUSTEC2019). Profesor Albert De Roeck, pakar terkemuka dari CERN, menyampaikan syarahan pleno pada persidangan tersebut.

MALAYSIA INSTITUTE FOR INNOVATIVE NANOTECHNOLOGY (NanoMITe)

Sebagai sebuah konsortium penyelidikan global yang terdiri daripada sekitar 100 saintis nano peringkat tinggi dari institusi dan pusat akademik bertaraf dunia, *Malaysia Institute for Innovative Technology* (NanoMITe) menyediakan sumber yang terbaik untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam pelbagai bidang nanoteknologi. Usaha bersama komuniti saintifik di seluruh dunia dalam konsortium ini membantu melatih generasi muda untuk menterjemah penyelesaian teknologi ke dalam platform keusahawanan. NanoMITe telah melaksanakan 19 projek dibawah lima bidang keutamaan:



Tenaga



Kesejahteraan, Perubatan dan Kesihatan



Makanan dan Pertanian



Elektronik, Peranti dan Sistem



Alam Sekitar

Pada tahun 2019, NanoMITe menganjurkan *NanoMITe Annual Symposium & Nanotechnology Malaysia Annual Symposium 2019* (NANOSYM 2019) dari 21-22 Ogos 2019. NANOSYM 2019 berfungsi sebagai platform perhimpunan utama untuk ahli nanoteknologi dan pakar akademik terkemuka dalam bidang nanoteknologi. Penyelidik NanoMITE membentangkan kemajuan projek mereka dalam konsortium ini.

MEMBANGUN DAN MEMANFAATKAN BAKAT STI

Memperluas jangkauannya ke wilayah selatan, ASM melalui Southern Chapter telah menganjurkan *ASM Merdeka Meeting* dengan kerjasama *Merdeka Award Secretariat*.

Bertemakan *"Science for a Greater Nation: Wisdom of the Past, Quest of the Future"*, seramai 61 saintis muda dan pakar terkenal menghadiri Mesyuarat kali kedua ini. Ianya merangkumi kedua-dua komponen akademik dan pengkomersialan, dan melengkapkan para saintis muda dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan STI pada masa hadapan. Pertemuan ini terdiri daripada empat aktiviti yang dirangka khas; Kuliah Ucapan Utama, Kuliah Merdeka, Dialog Meja Bulat Merdeka, dan Kelas Pakar bersama *Merdeka Award Laureates* dan pakar jemputan dari sektor industri.

7 pakar terkenal yang hadir di *2nd ASM Merdeka Meeting:*

1. **Profesor Dr Abdul Latif Ahmad FASc**
   Penerima Anugerah Merdeka 2014
   (Pencapaian Akademik Luar Biasa)

2. **Profesor Datuk Dr Ahmad Fauzi Ismail FASc**
   Penerima Anugerah Merdeka 2014
   (Pencapaian Akademik Luar Biasa)

3. **Academician Emeritus Profesor Tan Sri Dato' Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc**
   Penerima Anugerah Merdeka 2015 (Alam Sekitar)

4. **Dato' Dr Gan Ee Kiang**
   Penerima Anugerah Merdeka 2018
   (Kesihatan, Sains & Teknologi)

5. **Profesor Dr Mohd Hair Bejo FASc**
   Penerima Anugerah Merdeka 2018
   (Kesihatan, Sains & Teknologi)

6. **Dato' Norhalim Yunus**
   CEO, Malaysian Technology Development Corporation

7. **Dr Mohd Faizal Sedaralit**
   Ketua (Delivery Hydrocarbon Recovery Technology), Group Research & Technology, PETRONAS Holding Bhd

• Lawati galeri foto • Baca liputan media

GALAKAN MINAT STEM

Kerjasama industri dan kerajaan dalam memperkasakan STEM telah mencapai satu tahap yang baru melalui *CCM STEM Up Challenge* edisi kedua. Selaras dengan objektif untuk mengembangkan bakat STEM di negara ini, CCM dan ASM telah memulakan format baru pertandingan ini yang dikendalikan oleh YSN-ASM.

Berlangsung di Sungai Petani, Kedah, pertandingan ini diadakan sempena Minggu Amanah Saham Negara 2019. Para pelajar dari 48 sekolah menengah di Sungai Petani telah menyertai kuiz peringkat awal. 20 sekolah teratas kemudiannya dijemput untuk bertanding di pusingan separuh akhir yang merangkumi *Amazing Science Challenge* (Biologi, Fizik dan Kimia) dan #MyLabRules.

Kuiz Peringkat Awal
17-21 Mac 2019

Pusingan Akhir
24 April 2019

Projek Terbaik #MyLabRules



Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim

Juara Keseluruhan



Maktab Rendah Sains MARA Merbok



• Lawati galeri foto • Baca liputan ASM

LAWATAN KE *SILICON VALLEY* - PUPUK BAKAT STEM DALAM DIRI

Pemenang *National Science Challenge* 2018 berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang mereka perolehi semasa lawatan belajar mereka ke *Silicon Valley*. Program ini juga bertujuan untuk mengembangkan minat mereka dan seterusnya meneruskan kerjaya dalam bidang STEM.

Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor FASc telah diberi peluang untuk berinteraksi dengan para pelajar pada sesi "*Being a Scientist is Awesome*". Semasa program ini, para pelajar dicabar untuk menerapkan konsep STEM secara kreatif dengan membina sebuah kereta menggunakan barang-barang kitar semula dalam "***30 Minutes STEM Challenge - Make It Move!***".





• Lawati galeri foto

INSPIRASI INOVASI NEGARA-NEGARA LALUAN SUTERA

Buat kali ketiga, ASM dan *China Association for Science and Technology (CAST)* telah menyertai *Belt and Road Teenager Maker Camp and Teacher Workshop*. Pasukan Malaysia diwakili oleh tiga pemenang 2018 *Young Makers* dari MRSM Transkrian, diiringi oleh dua penyelia.

Para peserta telah bekerjasama dengan rakan antarabangsa mereka untuk menyelesaikan salah satu daripada lapan projek yang berbeza. Mereka dinilai dari segi kerja berpasukan, persembahan dan pencipta terbaik. Ketiga-tiga wakil Malaysia membawa pulang pingat emas dalam setiap penilaian. Rombongan yang hadir juga menyampaikan kerjasama industri-akademik-komuniti semasa *Science Education Forum*.



• Baca liputan media

ANUGERAH & GERAN

ANUGERAH PENYELIDIKAN KANSER MAKNA

Penyelidikan kanser sangat penting dalam mengenal pasti penyebab kanser dan mengembangkan strategi pencegahan, diagnosis dan rawatan kanser. Kini, teknologi dalam rawatan kanser telah menjadi lebih maju dan penemuan para penyelidik muda Malaysia adalah penting dalam memacu teknologi terkini. Untuk mendorong para penyelidik muda Malaysia mencari penawar kanser, MAKNA sentiasa menyediakan dana untuk penyelidikan.

Jaringan pakar ASM telah menyumbang kepakaran mereka kepada MAKNA dalam memilih penyelidik muda Malaysia yang layak mendapatkan geran penyelidikan.

Setiap tahun, MAKNA memperuntukkan RM90,000,00 untuk diberikan kepada tiga penyelidik.

2001-2019

57 Jumlah Projek

Jumlah Geran yang Dianugerahkan : RM1,641,410

DR RANJEET BHAGWAN SINGH *MEDICAL RESEARCH GRANT*

Para penyelidik telah memanfaatkan sains untuk menghasilkan penyelesaian dalam memastikan kehidupan yang lebih lama, sihat dan mencari penawar kepada sesuatu penyakit. Menyedari kekuatan sains dan pentingnya menyokong para penyelidik, Dr Ranjeet Bhagwan Singh telah menderma sebahagian dari kekayaannya untuk membantu penyelidik melengkapkan kajian mereka.

- **Penerima Geran 2018**
  Dr Hairul Aini Hamzah, IIUM
  Infectivity assessment of occult hepatitis C virus in primary peripheral blood mononuclear cells towards understanding of occult hepatitis C infection transmission



NEWTON-UNGKU OMAR FUND (NUOF)

Dana ini bertujuan untuk mengembangkan rangkaian penyelidikan dalam kalangan penyelidik pelbagai disiplin melalui integrasi pengetahuan STI yang menangani masalah sosio-ekonomi di Malaysia dan UK. Kerajaan Malaysia telah bekerjasama dalam melaksanakan NUOF sejak tahun 2015. Kegiatan NUOF meliputi:

a) Meningkatkan keupayaan komuniti sains dan inovasi Malaysia melalui *fellowship*, skim mobiliti dan pusat kerjasama.
b) Menjalinkan kerjasama penyelidikan mengenai topik-topik pembangunan.
c) Menubuhkan rakan inovasi dan mencabar dana untuk mengembangkan penyelesaian inovatif mengenai topik pembangunan.

Sepanjang empat tahun berkolaborasi, ASM sebagai salah badan pelaksana tempatan telah mengadakan beberapa program NUOF dengan kerjasama lima rakan pelaksana terkemuka di UK.

BILANGAN GERAN DAN JUMLAH DANA YANG DIANUGERAHKAN PADA 2019



RAKAN PELAKSANA . PROGRAM . PENERIMA

MENAIK TARAF KEUPAYAAN TEKNOLOGI INDUSTRI

Sejak peralihan ekonomi Malaysia dari pertanian ke industri, keperluan untuk meningkatkan keupayaan teknologi negara menjadi lebih penting bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing dan relevan.

Salah satu objektif ASM adalah untuk membantu negara dalam meningkatkan keupayaan teknologi dalam sektor perindustrian Malaysia.

Jaringan pakar ASM memanfaatkan pengetahuan saintifik dan sentiasa bekerjasama dengan industri untuk mengenal pasti bidang utama yang perlu ditingkatkan serta bidang baru yang boleh diterokai. Penambahbaikan ini memastikan bahawa sektor perindustrian Malaysia tetap relevan, seiring dengan kemajuan teknologi terkini.





I-CONNECT: KOLABORASI DALAM INOVASI

MESTECC dan ASM telah memulakan inisiatif *Malaysian Collaborative Network Platform for Disruptive Innovation*, yang dikenali sebagai i-Connect. i-Connect adalah rangkaian inovasi kolaboratif yang dipacu oleh industri yang melibatkan empat pihak berkepentingan. Ia bertujuan untuk mewujudkan ekosistem inovasi yang kondusif di Malaysia ke arah peningkatan inovasi disruptif melalui rangkaian kolaboratif untuk membolehkan industri Malaysia memanfaatkan peluang ekonomi baru bagi memasuki dunia pasaran memuncul.

Interaksi dinamik yang dipacu industri dan didorong oleh pengguna dalam i-Connect akan mewujudkan kelompok pengetahuan dan hab bakat. Sebagai permulaan, i-Connect akan dilaksanakan dalam empat bidang industri strategik berdasarkan kekuatan dan permintaan pasaran Malaysia:

4 Pihak Berkepentingan

- **Industri**
- **Penyelidikan**
- **Kerajaan**
- **Masyarakat**

KEKAYAAN DATA PENYELIDIKAN MALAYSIA

MOSP bertujuan untuk menjadikan data penyelidikan Malaysia sebagai aset nasional yang berharga dan dikongsi melalui satu platform yang boleh dipercayai. MOSP juga membolehkan ketercapaian dan perkongsian data penyelidikan yang selari dengan keutamaan negara dan amalan terbaik antarabangsa. MOSP akan diterajui oleh *MOSP Alliance* yang akan merumuskan Pengurusan Dasar dan Garis Panduan Nasional untuk memberi kesedaran serta mengembangkan kapasiti dan infrastruktur untuk MOSP.

Di fasa pertama, ia akan menghubungkan data penyelidikan, penyelidik dan penerbitan antara lima Universiti Penyelidikan dan 15 Institut Penyelidikan dan Agensi di bawah MESTECC.

MOSP dijangka akan dihubungkan dengan platform *Open Science* global yang lain untuk memperkasa ekosistem inovasi negara. Oleh itu, semua pemain dialu-alukan untuk menyumbang kepada MOSP bagi membina *Malaysia Open Science Community* ke arah merealisasikan visi *Open Science* untuk Malaysia.

MOSP akan mengguna pakai prinsip FAIR yang akan menjadikan data penyelidikan Malaysia aset yang berharga

- ***Findable***
- ***Accessible***
- ***Interoperable***
- ***Reusable***

Sebagai inisiatif rintis, *i-Connect* akan dilaksanakan dalam empat bidang strategik berdasarkan permintaan pasaran dan keperluan Malaysia:

Pembuatan: Industri 4.0

Kesihatan & Kesejahteraan

***Fintech* dalam Perbankan dan Kewangan Islam**

Rantaian Bekalan Halal

HALAL

iConnect
Malaysian Collaborative Network for Innovation

Open SCIENCE
Malaysia Open Science Platform (MOSP)









- Lawati foto galeri
- Baca liputan media
- Baca liputan ASM

GIST INVESTORS MOBILISATION TRAINING PROGRAMME DI MALAYSIA

ASM, dengan kerjasama *Global Innovation through Science and Technology (GIST)* dan SIZZLESCIENCE, bersama-sama menganjurkan *GIST Investors Mobilization Training Program* di Malaysia dengan beberapa pemain pengkomersialan. Latihan ini bertujuan untuk memupuk dan memperkasakan bakal pelabur tempatan dalam bidang sains ke arah meningkatkan pengkomersialan teknologi berasaskan STI tempatan. Latihan ini telah berjaya mendedahkan dan mendidik *Malaysian Angels* mengenai potensi dan kelebihan melabur dalam syarikat pemula yang berpangkalan di Malaysia dan peringkat global.

Pelancaran inisiatif *Angels in Science* dan *UM Angels* oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri MESTECC juga diadakan semasa latihan.

APR
2-3
2019

Kuala Lumpur

56
Peserta

3 Pelabur/Pelatih terkemuka dari *Silicon Valley, US*:

1. Gwen Edwards
2. Faz Bashi
3. Melissa Bradley

SME CLINIC ON INDUSTRY 4.0: ANGEL INVESTORS INITIATIVE FOR HEALTHCARE SECTOR

ASM, dengan kerjasama Universiti SEGi dan SIZZLESCIENCE, telah menganjurkan *SME Clinic on Industry 4.0* yang bertajuk "*Angel Investors Initiative for Healthcare Sector*". Program ini bertujuan untuk memperkasakan pelabur dan rangkaian mereka dengan amalan terbaik untuk melabur pada peringkat awal bagi syarikat pemulan berasaskan sains dan teknologi. Program ini juga melatih para penyelidik muda, saintis dan pengamal penjagaan kesihatan mengenai teknik mempromosikan produk atau idea mereka kepada bakal pelabur.

Dua usahawan hebat, Dr Khairul Idzwan Baharin dan Encik Ahmad Syafik Jaafar berkongsi pengalaman dan kejayaan mereka dalam program tersebut.

30 Peserta dari industri, akademia, dan komuniti penyelidik

4 syarikat pemula telah membentangkan hasil ciptaan STI masing-masing kepada pelabur

SEPT
15
2019

• Lawati galeri foto • Baca liputan media
• Baca liputan ASM

PEMAHAMAN & KESEDARAN AWAM TERHADAP SAINS

Sains adalah satu bidang yang dihormati; namun masyarakat sering terasa asing dengan bidang tersebut. Masyarakat perlu memahami bahawa sains bukan hanya penting bagi para saintis atau penyelidik, atau akademi sains sahaja. Tidak kira sama ada seseorang itu menganggap sains menarik atau sebaliknya - tahap pemahaman asas sangat penting bagi masyarakat moden, terutamanya kerana sains dan teknologi telah mengambil alih dunia hari ini.

Di ASM, kami melihat bagaimana sains dapat mempengaruhi pelbagai bidang, dari matematik hingga perubatan. Kami meneroka sains dalam dunia semula jadi dan sosial. Namun, walaupun dengan ruang lingkup yang luas sebegini, sains sering dianggap terlalu kompleks dan sukar bagi sesiapa sahaja, kecuali untuk pakar-pakar. Sebenarnya, sains terlalu berharga untuk diserahkan kepada para saintis profesional sahaja. Untuk kebaikan masyarakat dan untuk masa depan yang kita mahukan, masyarakat perlu memahami sains. Dengan kata lain, sains memerlukan komuniti yang lebih meluas.

Dalam usaha meningkatkan pemahaman dan kesedaran masyarakat dalam bidang sains, ASM menganjurkan pelbagai program berasaskan sains setiap tahun.




161.78
459.70
970.30
885.49

SAINS UNTUK KESEJAHTERAAN

Minggu Sains Negara 2019 telah dianjurkan dengan tema 'Sains untuk Kesejahteraan' dalam dua fasa. ASM telah dilantik oleh MESTECC sebagai Agensi Utama MSN 2019 untuk Negeri Johor dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor. Sehubungan itu, untuk menjadikan program ini sebagai satu program yang memberi impak kepada masyarakat, ASM juga bekerjasama dengan pelbagai agensi negeri, jabatan kerajaan, institut pengajian tinggi, NGO, badan profesional STI dan organisasi swasta.

MSN 2019 Peringkat Negeri Johor dianjurkan dari 15 Julai - 15 Ogos 2019 dengan sokongan Bahagian Sains Teknologi dan ICT (BICT) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Johor. Program utama MSN 2019 Johor dianjurkan pada 3 - 4 Ogos 2019 di Dewan Orang Ramai Parit Raja dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, Batu Pahat, Johor, yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Aminolhuda Hassan, Pengerusi Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi Johor.

Sekolah-sekolah di seluruh Malaysia telah mengambil bahagian dalam acara berprestij ini yang diketuai oleh Pusat STEM Negara, KPM. 10 daerah di Johor, iaitu Batu Pahat, Johor Bharu, Kluang, Kota Tinggi, Kulai, Mersing, Muar, Pontian, Segamat dan Tangkak tidak melepaskan peluang untuk menyertai MSN 2019 dengan menganjurkan program mereka sendiri seperti Gotong Royong dan program *Car Free Day Program*.

ASM telah diumumkan sebagai *The Best Leading Agency* yang menganjurkan MSN 2019 oleh MESTECC.

- **Fasa 1 (1 - 7 April 2019) :**


Wilayah Persekutuan


Terengganu


Sabah


Sarawak

- **Fasa 2 (15 Julai – 15 Ogos 2019) :**


Perlis


Kedah


Penang


Perak


Selangor


Kelantan


Pahang


Negeri Sembilan


Melaka


Johor

- **6,000** pengunjung membanjiri Sains Karnival
- **101,227** penglibatan dari 15 Julai - 15 Ogos 2019
- **Rakan Strategik Utama:**
  - Unversiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
  - National STEM Centre
  - Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN)
  - Ministry of Youth and Sports
  - Politeknik Mersing Johor (PMJ)
  - Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)
- **Penaja:**
  - Loreal Malaysia Sdn Bhd
  - Jeffrey Cheah Foundation
  - Percetakan Salam Sdn Bhd
- **Antara aktiviti yang dijalankan:**
  - Karnival Sains
  - *Meet the Scientists*
  - *Pocket Talk*
  - *Crime Scene Investigation Contest*
  - *Weather Forecast Reporter Contest*
  - *Science Show*
  - *Drone-flying competition*
  - *Science quiz with Kahoot!*
  - *Fit Malaysia @ Community*
  - *Mentor Mentee STEM Johor*







Karnival Sains yang dianjurkan sempena MSN 2019 di Johor

Syarahan Sulung

FAScinate™ Talk

Open Minds, Spark Ideas

FAScinate™ menampilkan format yang diperbaharui, dari syarahan formal ke pembentangan yang lebih santai, dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan sains. Dengan slogan "Open Mind, Spark Ideas", FAScinate™ bertujuan untuk memberi inspirasi kepada masyarakat untuk membuka minda mereka kepada bidang sains dan teknologi.

Sesi FAScinate™ sulung ini menampilkan enam Felo ASM yang berkongsi kepakaran mereka untuk membuka minda penonton dari pelbagai lapisan masyarakat. Topik-topik yang meransang pemikiran dalam sains perubatan dan kejuruteraan dalam kemajuan terkini bidang STI serta fakta-fakta telah memikat penonton.

Jumlah Tontonan 2,507

• Tonton video-video • Baca liputan media • Baca liputan ASM



Water and Wastewater Services: What's Next?
Ir Ts Mohamed Haniffa Abdul Hamid FASc
Istilah "air kumbahan" sebenarnya berasal dari cara kita menggunakan air dengan membazir. Oleh itu, untuk kelestarian dan kecukupan jangka panjang, sumber air perlu diuruskan dengan baik.

Strategic Mineral Development with Industry 4.0
Profesor Dato' Ir Dr Eric Goh Kok Hoe FASc
Dunia moden tidak dapat berfungsi tanpa aktiviti perlombongan. Dari simen jalan ke muka surat yang sedang anda baca ini, cara hidup kita sangat bergantung pada produk dari aktiviti perlombongan. Sektor perlombongan dan penggalian adalah sektor utama industri dan negara maju.





Virtual Surgery: The Reality
Profesor Dato' Dr Zainal Ariff Abdul Rahman FASc
Teknologi penuh dengan kejutan: contohnya Realiti Maya (VR). VR pertama kali diperkenalkan dalam permainan video. Seiring berkembangnya teknologi, VR telah digunapakai dalam industri lain, seperti penjagaan kesihatan. Semakin banyak hospital dan institusi perubatan menggunakan VR untuk memberikan latihan yang lebih baik kepada bakal doktor dan pakar bedah. Dalam prosedur pembedahan, penggunaan VR dikenali sebagai pembedahan maya.

Climate Change and CO_2 Emission
Profesor Dr Dominic Foo Chwan Yee FASc
Sebagai rakyat, apa yang boleh kita lakukan untuk mencapai target pengurangan CO_2 yang signifikan? Ramai yang merasakan bahawa isu perubahan iklim terlalu luas untuk diubah oleh tindakan seseorang individu. Sama ada besar atau kecil, tindakan anda akan mempengaruhi planet ini dalam beberapa dekad akan datang – sama ada menjadi lebih baik atau lebih buruk.





Tuberculosis: Past, Present and Future
Profesor Dr Ngeow Yun Fong FASc
Tuberkulosis (TB) adalah penyakit kuno yang terus menimbulkan ketakutan pada manusia. Bakteria penyebab TB dianggarkan telah wujud selama kira-kira tiga juta tahun, tetapi hanya ditemui pada tahun 1882. Setelah penemuan ini, ubat-ubatan anti-TB dan vaksin untuk mengawal penyakit telah dicipta. Malangnya, TB tetap menjadi penyebab utama masalah kesihatan dan kematian walaupun di zaman moden ini.

Dengue: The Many Unanswered Questions
Profesor Dr Shamala Devi KC Sekaran FASc
Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, denggi telah menjadi penyakit berjangkit yang tidak terkawal, terutama di kawasan tropika dan sub-tropik dunia. Jangkitan denggi meningkat secara konsisten kerana tidak ada vaksin berlesen atau antivirus yang dipersetujui untuk memerangi jangkitan denggi.



INISIATIF artscience™

Penghargaan seni terhadap akulturasi sains

Inisiatif *ArtScience™* ASM bertujuan untuk memupuk kreativiti pada pertemuan Seni dan Sains. Inisiatif ini merangkumi dua program; ASM *ArtScience™ Prize* dan program ASM *ArtScience™ Engagement*.

Anugerah akan diberikan setiap dua tahun untuk projek terbaik yang merangkumi falsafah ArtScience™. Dua program di bawah ASM *ArtScience™* Engagement adalah *2* dan ASM *ArtScience™ Dialogue* yang melibatkan para profesional, seniman dan saintis untuk mempromosikan pertemuan antara seni dan sains.

ASM berharap inisiatif *ArtScience™* akan menjadi program yang mempromosikan kecemerlangan seni-sains secara berterusan. Pihak yang berminat dialu-alukan untuk menyumbang ke inisiatif ini.

- Dilancarkan pada 4 Disember 2019 oleh YB Puan Isnarissah Munirah Majilis
- Disokong oleh Balai Seni Negara, Universiti Malaya & Galeri PETRONAS
- Sumbangan boleh dibuat melalui ASM *Giving to Science*





artscience™





• Lawati galeri foto • Tonton video • Baca liputan ASM

www.akademisains.gov.my/artscience

EKONOMI HIDROGEN: APAKAH LANGKAH SETERUSNYA BUAT MALAYSIA?

Rantau ASEAN berusaha menerapkan konsep ekonomi hidrogen secara pantas. Di Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak sudah menjadi peneraju utama dengan memperkenalkan bas yang dijanakan oleh hidrogen pada tahun 2018. Salah satu sumber tenaga yang berpotensi di Malaysia adalah *Ocean Thermal Energy Conversion* (OTEC), yang memiliki kelebihan dari segi daya saing dan kos penjanaan berbanding alternatif lain. Usaha yang lebih bersepadu diperlukan untuk mempromosikan pembangunan ekonomi hidrogen di Malaysia, terutamanya oleh penggubal dasar. Seterusnya, ASM telah menubuhkan satu Badan Bertindak Ekonomi Hidrogen untuk merangka kertas posisi mengenai Ekonomi Hidrogen.









• Lawati galeri foto • Tonton video • Baca liputan media • Baca liputan ASM

IDEAXCHANGE KE-31 - WASTE TO WEALTH: *EXPLORING NEW HORIZONS*

Pengurusan sisa buangan adalah masalah utama yang dihadapi di seluruh dunia. Sisa buangan global dijangka mencapai 27 bilion tan pada tahun 2050. Oleh itu, inisiatif *waste-to-wealth* diperkenalkan untuk menukarkan sisa buangan menjadi sesuatu yang mempunyai nilai ekonomi. Forum ini membincangkan bagaimana Malaysia dapat menjana kekayaan daripada sisa buangan tanpa memberi kesan kepada alam sekitar. Kerjasama antara kementerian sedang dijalankan untuk melaksanakan projek *waste-to-energy.*





JULAI
29
2019

IDEAXCHANGE KE-32 - HAZE PROBLEM: *A BLAME GAME OR AN ENDGAME*

Dalam usaha untuk mengatasi episod jerebu tahunan dari perspektif yang berbeza, IdeaXchange ke-32 mengumpulkan pihak-pihak berkepentingan untuk membincangkan penyelesaian holistik dalam forum ini. Pelbagai idea bernas telah dibentangkan, dari menyelesaikan isu pembakaran terbuka hingga penggunaan biojisim sebagai tenaga yang boleh diperbaharui.

Jerebu adalah isu merentasi sempadan. Forum ini menyeru kepada penyelesaian tempatan dan serantau serta meminimumkan kesan jerebu terhadap kesihatan, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, lebih banyak kajian berdasarkan data mesti dilakukan untuk mendapatkan lebih banyak pemahaman mengenai kesan pencemaran udara.





OKT
15
2019

• Tonton video • Baca liputan ASM

MENANGANI ANCAMAN BIOSEKURITI DARI TEKNOLOGI MEMUNCUL

The Malaysian Science and Technology Research Institute for Defence (STRIDE) bersama-sama dengan *Malaysian Biosafety and Biosecurity Association* (MBBA), ASM dan *Health Security Partners* telah menganjurkan *Symposium on Promoting Institutional Oversight Mechanisms to Address Biosecurity Threats from Emerging Technologies*. Simposium yang ditaja oleh *Biosecurity Engagement Program (BEP)* AS ini memberi fokus pada bioteknologi memuncul, bio-risiko penyelidikan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi ini, dan pengawasan untuk memastikan keselamatan dan biosekuriti.

Simposium yang berlangsung selama tiga hari itu dianjurkan dari 10 - 12 September 2019, dan dirasmikan oleh Dr Karminder Singh Dhillon, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pertahanan Malaysia. Simposium ini menampilkan ahli panel dari Amerika Syarikat, UK, Singapura, Filipina, Indonesia dan Malaysia. Lebih daripada 50 penyelidik Malaysia dari Institut Pengajian Tinggi dan Institut Penyelidikan telah menghadiri acara ini.

Objektif symposium adalah untuk:
- Meningkatkan kesedaran mengenai teknologi memuncul seperti biologi sintetik dan sistem penyuntingan gen, faedahnya terhadap bioekonomi dan bio-risiko penyelidikan yang boleh ditimbulkan oleh teknologi ini
- Meningkatkan kewaspadaan dalam komuniti saintifik untuk mengelak penyalahgunaan dan kemalangan
- Berkongsi amalan terbaik untuk pengawasan institusi bagi mengenal pasti dan mengurangkan bio-risiko penyelidikan yang timbul dari penggunaan teknologi baru
- Merangka cadangan untuk penubuhan dan penggunaan mekanisme pengawasan institusi untuk penyelidikan bio-risiko dalam konteks Malaysia
- Menerbitkan laporan simposium untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti penyelidikan dan dasar di Malaysia dan di seluruh rantau







RINGKAS MENARIK HEBAH

Secara asasnya, komunikasi sains adalah satu bentuk usaha untuk menjadikan sains satu subjek yang boleh diakses oleh semua individu. Ia menukarkan satu fakta ilmiah yang sukar difahami kepada sesuatu yang seronok untuk dipelajari. Pelbagai media digunakan untuk memenuhi pelbagai kaedah pembelajaran kepada segmen masyarakat yang berlainan, agar pemahaman menyeluruh boleh dicapai. Dengan bantuan media sosial, kami juga memastikan bahawa ilmu pengetahuan ini menjangkau capaian seramai mungkin.

Emelkan kepada:
science_comm@akademisains.gov.my



MEDIA SOSIAL
(2018-2019)

17,366
dari 13,578 (2018)

4,653
dari 3,198 (2018)

3,013
dari 2,310 (2018)

34,696
dari 27,814 (2018)

PENERBITAN & JURNAL:

Laporan Tahunan 2018



***Expert Network* Edisi 2018**



ASM Science Journal **24** artikel

6 ISU KHAS

VOL. 12

- IQRAC2018
- Malaysia in Space
- ICST2018
- ICSE2018
- ICoAIMS2019
- SKSM26

PEMBACA DALAM TALIAN:

e-Penerbitan
94
setakat ini

Pembaca
51,244

Capaian
189,073



ASM FOCUS:
e-Newsletter

Isu
12

Artikel
47

Pembaca
7,176



TEKNIK PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL BERIMPAK TINGGI

Penerbitan adalah satu bahagian penting proses penyelidikan. Namun, sesuatu penyelidikan perlu diterbitkan dalam jurnal yang sesuai untuk menjangkau audiens yang tepat. Ia juga perlu disampaikan dengan jelas untuk memberi impak yang signifikan. Dengan persaingan yang semakin sengit dalam komuniti akademik, penyelidik perlu mengembangkan kemahiran yang tepat untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka. Dengan itu, para penyelidik boleh meningkatkan peluang penerimaan penerbitan dan reputasi mereka di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 2019, *British High Commission KL* dan ASM telah menganjurkan bengkel *Effective Publishing Strategies*. Bengkel ini bertujuan untuk melatih penyelidik Malaysia tentang cara menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi dan memaksimumkan impaknya dalam bidang masing-masing. Langkah ini merupakan salah satu cara bagi menangani cabaran untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi.

Bengkel sehari itu diadakan pada 23 Januari 2019, dan dijalankan dalam bentuk syarahan dan latihan oleh *Nature Research*, penerbit akademik yang berpusat di UK, menggunakan jurnal *Nature Research* sebagai bahan latihan. Kira-kira 250 peserta telah mendapat manfaat daripada penceramah Dr Jeffrey Robens.

MENGUKUHKAN KOLABORASI DAN RANGKAIAN ANTARABANGSA

ASM berusaha untuk menjadi Peneraju Pemikir dalam perkara yang berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi. Untuk melaksanakan peranan ini, ASM memerlukan hubungan yang kuat dengan organisasi lain di seluruh dunia. Dengan ini, ASM boleh memulakan pertukaran pengetahuan dan idea.

Melalui rangkaian antarabangsa, ASM juga memudah cara komuniti saintifiknya sendiri untuk mencapai kecemerlangan dalam sains dan teknologi. Selain itu, hubungan yang dipupuk ASM di arena global boleh mewujudkan kolaborasi yang berimpak tinggi dengan pelbagai organisasi untuk memajukan bidang sains Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.





ASEAN FORESIGHT ALLIANCE (AFA) WORKSHOP

Melalui MESTECC, ASM telah memulakan *ASEAN Foresight Alliance (AFA)* pada tahun 2018. Inisiatif ini memberi peluang kepada pihak berkepentingan untuk menerapkan paradigma imaginatif namun realistik untuk perancangan strategik melalui pemikiran berpandangan jauh *(foresight)*. Ia melibatkan proses mengenal pasti peluang dan ancaman yang mungkin timbul pada versi jangka sederhana dan jangka panjang masa hadapan. Sebagai cara berfikir, pemikiran berpandangan jauh juga mendorong ketangkasan, inovasi, penilaian strategik, dan pembentukan masa depan yang proaktif. Perancangan tradisional berusaha untuk mencegah kegagalan; namun, pemikiran berpandangan jauh mengutamakan ketahanan, iaitu pengesanan awal dan pemulihan yang cepat.

ASEAN Foresight Alliance (AFA) Workshop telah diadakan pada 11 - 13 Disember 2019. Wakil dari semua ASEAN *Member States (AMS)*, kecuali dari Singapura dan Vietnam telah menghadiri bengkel ini.

Objektif:

1) untuk membantu para peserta ASEAN dalam meningkatkan keberkesanan perancangan jarak jauh melalui penggunaan alat metodologi yang sesuai

2) membantu para peserta untuk meningkatkan keupayaan bagi mengubah organisasi dan pentadbiran secara keseluruhan berorientasikan masa depan

3) untuk mengembangkan perbincangan nasional yang lebih luas dalam jangka masa panjang, terutamanya selepas Wawasan ASEAN 2025

Mesyuarat Lembaga Penasihat AFA

Mesyuarat Lembaga Penasihat Pertama untuk AFA diadakan pada 13 Disember 2019 di Kuala Lumpur. Objektif mesyuarat ini adalah untuk memilih Pengerusi dan Timbalan Pengerusi bagi Lembaga Penasihat AFA serta menetapkan Terma Rujukan untuk Lembaga Penasihat AFA. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua wakil AMS, kecuali dari Singapura dan Vietnam.







International Science Council

Regional Office for
Asia and the Pacific

International Science Council (ISC) adalah satu-satunya organisasi bukan kerajaan antarabangsa yang menyatukan sains semula jadi dan sosial dan merupakan organisasi sains global terbesar seumpamanya. Dengan berbagai program, jaringan dan jawatankuasa penyelidikan antarabangsa yang dianjurkan bersama, kegiatan ISC merangkumi berbagai isu termasuk kesihatan dan kesejahteraan bandar, pengurangan risiko bencana, serta nasihat sains kepada pemerintah. Selaras dengan Pelan Tindakan Sains (2019-2021), ISC ROAP memulakan inisiatif baru dan meningkatkan penglibatannya dengan anggota ISC dan organisasi serantau.

Salah satu inovasi yang dilaksanakan adalah program *ROAP Small Grants* (RSG), yang memberikan dana nominal secara kompetitif, untuk kegiatan serantau dalam bidang keutamaan ROAP. ROAP terus memberi penekanan untuk menggerakkan komuniti saintifik dari Negara Kurang Membangun (LDC). Pada tahun 2019, 17 saintis awal kerjaya dari LDC ditaja untuk menghadiri pelbagai bengkel di rantau ini.

Open Science
- o Penganjuran bersama mesyuarat yang merangkumi *Open Science* untuk Asia Pasifik dengan CODATA
- o Menyertai sesi libat urus bersama pihak berkepentingan UNESCO mengenai inisiatif *Open Science*

Responsible Conduct of Research (RCR)
- o Menganjurkan bengkel RCR bersama ASEAN *Young Scientist Network* dan *Global Young Academy*

DRR dan Perubahan Iklim
- o Bekerjasama dengan IRDR ICoE-Taipei, UNDRR APSTAAG dan IPCC dan SEADPRI UKM
- o Melawat Nepal dan Fiji untuk merangka kolaborasi mengenai DRR dan perubahan iklim

Nasihat sains untuk menggubal polisi
- o Menganjurkan dua bengkel pembinaan kapasiti bersama INGSA Asia

ISTIC

INTERNATIONAL SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION CENTRE FOR SOUTH-SOUTH COOPERATION UNDER THE AUSPICES OF UNESCO

Matlamat ISTIC adalah untuk memberikan latihan peningkatan kapasiti dalam pengurusan STI untuk negara-negara membangun di Selatan, baik untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Ini termasuk fellowship, bengkel dan kursus yang menggabungkan latihan khusus dan berorientasikan projek.

Pada tahun 2019, acara penting bagi ISTIC adalah 4th ISTIC *Biennial International Conference on Women in Science, Technology and Innovation* (STI). Persidangan ini bertujuan untuk mempamerkan inovasi STI yang berjaya dalam menyelesaikan dan / atau meminimumkan masalah yang dihadapi oleh wanita, dengan bertukar dan berkongsi pengalaman seterusnya menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari No. 5.

4th ISTIC Biennial International Conference on Women in Science, Technology and Innovation (STI)
- 22-23 Julai 2019
- Kuala Lumpur, Malaysia



Kesaksamaan gender dan memperkasa wanita

JARINGAN PAKAR

Berpengalaman luas, bijaksana, berdedikasi - jaringan pakar kami terdiri daripada ahli yang bersedia memimpin dan bekerjasama demi satu hasil yang berimpak. Kini, Akademi mempunyai lebih daripada 700 pakar dan jumlahnya terus bertambah dari tahun ke tahun.

Jaringan pakar ASM sentiasa sedia untuk menyumbangkan kepakaran mereka bagi memastikan kajian dan program ASM mendorong kemajuan STI Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi.





MERAIKAN MINDA TERULUNG MALAYSIA

Majlis penganugerahan Felo ASM dan pengumuman penerima Anugerah TRSM telah diadakan pada 4 Disember 2019. Dua puluh tujuh felo baru telah diberikan penganugerahan, menjadikan jumlah keseluruhan Felo ASM seramai 376 orang dari lapan kumpulan disiplin. Felo akan membawa gelaran "FASc" yang menandakan Felo Akademi Sains di akhir nama mereka, dan ianya merupakan pengiktirafan seumur hidup untuk pencapaian cemerlang mereka.

Acara berprestij itu juga menyaksikan pengumuman sembilan penerima TRSM 2019, yang disampaikan oleh tetamu kehormat, YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri MESTECC. Kini, seramai 166 penerima TRSM telah diiktiraf atas aktiviti penyelidikan mereka dalam pelbagai bidang.

Selain itu, Akademi telah melantik Profesor Emeritus Dato' Dr Khalid Yusoff FASc sebagai Felo Kanan 2019 atas sumbangan beliau dalam bidang kardiologi, melalui latihan, pengajaran dan penyelidikan serta memperkasakan penyelidikan berintegriti di Malaysia. Anugerah Felo Kanan diiktiraf kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang luar biasa dan memberikan kepimpinan baik di peringkat Akademi, nasional dan antarabangsa. Felo Kanan akan membawa gelaran "Academician" pada awal nama mereka untuk menghargai reputasi mereka yang sangat cemerlang.

FELO 2019

1 Felo Kanan

27 Felo Baru

TRSM 2019

9 Penerima

166 Jumlah Penerima





2019 Felo Kanan,
Academician Emeritus Profesor Dato' Dr Khalid Yusoff FASc



ATAS: Felo dan Felo Kanan 2019 bersama YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri MESTECC, Ahli EXCO dan KPE
BAWAH: Penerima TRSM 2019 bersama YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri MESTECC, Ahli EXCO dan KPE

MENJANA IMPAK!

Sejak ditubuhkan pada tahun 2012, Young Scientists Network-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM) mengekalkan visinya untuk menjadi sebuah platform untuk komuniti saintifik muda bagi memajukan sains di Malaysia dan menjadi penyumbang yang signifikan kepada STI global.

Dengan jumlah lapan kumpulan gerak kerja, YSN-ASM telah menjalankan, menganjur bersama dan mengambil bahagian dalam lebih dari 50 program, aktiviti, forum, bengkel, pengembangan modul dan mesyuarat antarabangsa pada tahun 2019.

Sorotan Aktiviti:

1) DIALOG AWAM BERSAMA YB PUAN YEO BEE YIN
Sesi dialog awam mengenai *Effective STI Governance for a Progressive Malaysia* yang bertujuan untuk mengenengahkan isu-isu berkaitan keadaan STI di Malaysia dan cara menangani bidang-bidang kritikal.

2) *2019 CCM STEM-UP CHALLENGE*
YSN-ASM membantu dalam penyediaan soalan kuiz dan cabaran berdasarkan permainan di bawah tema "Kelestarian" dan "Tenaga".

3) *RESPONSIBLE CONDUCT OF RESEARCG (RCR)*
YSN-ASM telah menganjurkan dan menyertai beberapa program *RCR* seperti *World Conference on Research Integrity in Hong Kong*, ASEAN *RCR Project*, *Forum for Ethical Review Committees in the Asian and Western Pacific Region*, dan *ASEAN RCR Workshop*.

4) *ASEAN EMERGING RESEARCHES CONFERENCE (ERC) 2019*
ASEAN ERC 2019 merupakan program terbesar ASEAN YSN, dengan kerjasama *Thai Young Scientists (TYSA)*, YSN-ASM, Wolfson College, University of Cambridge, UK, dan Cambridge University Malaysia Society, UK.

YSN-ASM 2019

78 Ahli
12 Ahli Baru
113 Ahli Gabungan
22 Ahli Gabungan Baru

Kolokium YSN-ASM 2019

Kolokium tahun ini telah disertai oleh 104 ahli dan ahli gabungan YSN-ASM serta lima wakil dari rakan strategik ASEAN. Bertemakan "*Fuel the Impact!*", Kolokium YSN-ASM 2019 dilaksanakan dalam pendekatan yang jauh lebih berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya. Selain menghubungkan wakil dari ASEAN dengan ahli YSN-ASM, beberapa aktiviti telah dirangka untuk memastikan sesi perbincangan dan perkongsian lebih berkesan serta menjadi satu medium perhubungan. Selain itu, pada tahun ini, YSN-ASM telah memperkenalkan Anugerah *Rising Star* YSN-ASM 2019 buat julung kalinya, dan semua pemenang diumumkan semasa upacara penutup.



Ahli YSN membuat perancangan strategik untuk sesi libat urus akan datang di Kolokium YSN-ASM 2019

DALAM KENANGAN

Academician Emeritus Profesor Dato' Dr C.P. Ramachandran FASc

Academician Emeritus Profesor Dato' Dr C.P. Ramachandran FASc adalah pakar filariasis dunia. Beliau menerima ijazah dalam Sains Biologi dari University of Madras, India. Di sinilah beliau mengembangkan minat untuk melawan penyakit tropika yang sering diabaikan. Beliau kemudian mengambil keputusan untuk melanjutkan latihan pascasiswazah di *London School of Hygiene and Tropical Medicine* (LSHTM) dan di *Liverpool School of Tropical Medicine* (LSTM) di mana beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran.

Dato' Dr C.P. Ramachandran memulakan kerjaya di LSTM sebagai penunjuk cara dalam Parasitologi dari 1952 hingga Jun 1962. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun yang sama, dan mula bekerja dalam sebagai felo penyelidikan dalam filariasis di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di Kuala Lumpur sehingga 1963. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Bidang Filatiasis di IMR, dari 1967 hingga 1970.

Pada tahun 1979, berbekalkan pengetahuan mendalam tentang filariasis, beliau mula menyertai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Beliau dilantik sebagai Ketua Filariasis Control and TDR di WHO. Beliau bertanggungjawab dalam penubuhan *Centres of Excellence of Tropical Diseases* di banyak negara membangun di Amerika Selatan, Afrika, Asia Tenggara dan Rantau Pasifik Barat. Pencapaian terbesar beliau adalah mengumpulkan Strategi Global untuk Penghapusan Filariasis Limfatik melalui resolusi *World Health Assembly* pada tahun 1997 (GPELF). Hasilnya, mereka berjaya mengurangkan kadar jangkitan dari 120 juta kepada kurang dari 40 juta hari ini, dan mencegah berjuta-juta kanak-kanak dari dijangkiti. Beliau bersara dari WHO pada tahun 1996 dan mengambil keputusan untuk menyertai UPM sebagai Profesor Parasitologi.

Dato' Dr C.P. Ramachandran telah memberi sumbangan besar dalam bidang Perubatan Parasitologi, dalam dan luar negara. Beliau telah menerbitkan pelbagai kertas saintifik, dan tiga parasit telah dinamakan sempena nama beliau. Beliau telah menerima banyak penghargaan, antaranya adalah *Mary Kingsley Medal, United Kingdom for Tropical Medicine*. Beliau adalah Felo ASM sejak tahun 2003 dan dilantik sebagai Felo Kanan pada tahun 2011. Beliau telah mengambil bahagian dalam banyak kajian dan program ASM dan dilantik sebagai *Alternate Chair* bagi kumpulan disiplin Sains Perubatan dan Kesihatan (2011-2015) dan juga Ahli Majlis ASM.



(6 Jun 1936 - 12 Jan 2019)

"Kegagalan adalah perkara biasa, tetapi jangan pernah menganggap bahawa masyarakat telah berhutang sesuatu dengan anda; sebaliknya, anda berhutang kepada masyarakat."

Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee FASc

Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee FASc percaya akan pembelajaran sepanjang hayat. Pada umur 69, beliau telah menerima ijazah ketujuh, Ijazah Sarjana dalam Biologi Alam Sekitar dari USM. Beliau turut memiliki Ijazah Kedoktoran dalam Virologi dari University of Queensland, Australia, dan tiga ijazah kehormat dari *University of Queensland*, UPM and Universiti Malaysia Terengganu. Tan Sri Mustaffa telah banyak memberi sumbangan dalam bidang sains. Beliau merupakan saintis pertama yang berjaya mengasingkan dan mencirikan *Australian Poultry Reovirus* pertama, *Turkey Herpesvirus* dan *Adenovirus* di negara ini. Penemuan ini diterbitkan dalam journal berindeks tinggi dan telah dipetik dalam *American Textbooks on Avian and Poultry Diseases.*

Ketika berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, beliau menubuhkan Institut Penyelidikan Bioteknologi Haiwan di Jerantut, Pahang pada tahun 1988 untuk melakukan penyelidikan mengenai pemindahan embrio, pemisahan dan pengklonan. Institut ini adalah institutusi penyelidikan Bioteknologi pertama di Malaysia.

Di peringkat nasional, Tan Sri Mustaffa telah terlibat secara aktif dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan, Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) dan Kementerian Sains. Kemahiran kepimpinan beliau turut dikenali di peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun 1994, beliau telah dilantik sebagai Presiden untuk *World Organization for Animal Health*, dan Pengerusi untuk beberapa *ASEAN Committees for Animal Production, Livestock and Food Handling*.

Tan Sri Mustaffa merupakan salah seorang Felo Asas ASM. Beliau pernah mempengerusikan beberapa Jawatankuasa ASM seperti *ASM Committee on Biodiversity* 2010, *ASM Committee on Biodiversity and Environment* 2011, dan Pengerusi *Mega Science Framework Study* 2011. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Biodiversiti, beliau telah menerbitkan direktori pakar biodiversiti di Malaysia. Beliau juga turut terlibat dalam *Mahathir Science Award*, Penerbitan ASM dan jawatankuasa antarabangsa.

Sebagai penulis, penerbit, pengarah dan jurugambar yang berbakat, beliau telah menerbitkan pelbagai buku Biodiversiti, lebih dari 75 artikel journal atau prosiding, lebih dari 120 artikel dengan ilustrasi fotografi mengenai alam semula jadi dan alam sekitar, dan beberapa dokumentari yang ditayangkan di beberapa sekolah.



(31 Julai 1937 - 30 April 2019)

> “Sepanjang hayat saya, saya sentiasa ingin tahu tentang alam semula jadi. Saya boleh memerhati alam semula jadi selama berjam-jam”

Dato' Dr Hashim Abdul Wahab FASc

Dato' Dr Hashim Abdul Wahab FASc mempunyai pengalaman luas dalam bidang pertanian. Beliau memperoleh diploma Pertanian dari *College of Agriculture* (sekarang UPM), Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dari *Iowa State University*, dan PhD dalam Sains Pertanian dari *North Carolina State University* pada tahun 1971.

Beliau berkhidmat di Jabatan Pertanian dan MARDI selama lebih dari 20 tahun sehingga beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah pada tahun 1981. Dengan pengalaman yang luas dalam bidang pertanian, beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pengarah pertama, Lembaga Koko Malaysia selama tujuh tahun.

Dato' Dr Hashim adalah seorang yang peramah dan aktif dengan aktiviti luar. Beliau sering berkongsi pengalamannya melalui penulisan atau ceramah motivasi. Beliau telah menerbitkan enam buku dan lebih daripada 80 artikel mengenai pertanian, pengurusan pertanian, eko-pelancongan, ICT, pelancongan, kesejahteraan dan kebahagiaan. Beliau juga terlibat secara aktif dalam organisasi sukarela dan profesional. Beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden *Agricultural Institute of Malaysia*, Presiden Persatuan Alumni UPM, Presiden *Rotary Club of Kajang*, Naib Presiden & Pengerusi Pendidikan Alam Sekitar, Persatuan Pencinta Alam Malaysia pada tahun 2002-2010.

Dato' Dr Hashim telah memberi pelbagai sumbangan dalam perkhidmatan awam dan aktiviti kemasyarakatan, terutama mengenai isu-isu alam sekitar dan pembangunan lestari. Atas sumbangannya yang cemerlang, beliau menerima beberapa anugerah seperti Johan Setia Mahkota 1988, Darjah Setia DiRaja Kedah 1999, Anugerah Langkawi 2005, Anugerah Alumni UPM, dan *Selected Torch Bearer for the Beijing Olympic 2008*.

Dato' Dr Hashim telah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ASM di mana beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Kumpulan Disiplin Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2013-2015), Ahli Majlis (2012-2014), dan Jawatankuasa Keahlian.



(23 Februari 1938 - 1 Julai 2019)

"Berkebun merupakan hobi yang dikaitkan dengan cinta - cinta kepada hidupan seperti herba, sayuran dan lanskap pohon hiasan"

PENYATA KEWANGAN

Bagi badan pemikir seperti kami, ketelusan merupakan sesuatu yang penting bagi membuat penilaian yang tepat. Penyata kewangan ASM memberikan maklumat mengenai hasil dan prestasi kewangan serta aliran tunai kami.



Penyata Prestasi Kewangan

- Prestasi Kewangan ASM bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 menunjukkan lebihan sebelum cukai sejumlah RM2,688,803 berbanding tahun 2018 iaitu RM2,630,585. Pendapatan bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM18,551,134. Geran operasi yang diterima oleh ASM berjumlah RM10,675,654 mewakili 58% dari peruntukan yang diterima bagi tahun 2019. Selain itu, 32% adalah merupakan pelunasan daripada geran tertunda, pendapatan tertunda dan dana sumbangan berjumlah RM5,920,781, manakala 10% adalah dari pendapatan lain yang berjumlah RM1,954,699.

- ASM mencatatkan perbelanjaan sebanyak 86% pada tahun 2019 dengan jumlah RM15,862,331 berbanding tahun 2018 dengan perbelanjaan 90% iaitu RM24,330,292. Perbelanjaan utama ASM adalah bagi perbelanjaan Program Sains dengan jumlah RM6,072,266 (38%) manakala perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan adalah sebanyak 37% dengan jumlah RM5,860,156. Ia juga merangkumi emolumen bagi 66 kakitangan kontrak.

Ringkasan Perincian Kedudukan Kewangan

- Kedudukan Kewangan ASM pada tahun 2019 adalah lebih kukuh dengan lebihan terkumpul berjumlah RM9,720,072 [2018: RM7,305,425]. Perubahan ketara ini adalah disebabkan oleh pengisytiharan bangunan ASM sebagai aset tetap yang bernilai RM3,399,000.

- Aset ASM adalah berjumlah RM25,108,912. Sumbangan terbesar Aset ASM adalah dari simpanan tetap berjumlah RM20,795,161. Geran kerajaan dan Geran Antarabangsa yang diterima untuk operasi dan aktiviti dilaburkan ke dalam simpanan tetap yang diluluskan oleh MOF.

- Sebahagian besar jumlah liabiliti ASM adalah dari geran tertunda yang diterima oleh ASM daripada Kerajaan Malaysia dan peruntukan yang diterima untuk Pejabat Antarabangsa yang dihoskan oleh ASM iaitu ISC ROAP dan ISTIC. Penurunan sebanyak 75% berbanding tahun 2018 (2019: RM12,226,504, 2018: RM48,868,740) adalah disebabkan pemulangan baki dana R, D & C sejumlah RM 32,040,944.43 kepada Kerajaan Malaysia.

KEDUDUKAN KEWANGAN ASM 2019



PERBANDINGAN KEDUDUKAN KEWANGAN ASM SELAMA 3 TAHUN



	Jumlah Aset	Jumlah Liabiliti	Lebihan Terkumpul
2019	25,108,312	15,388,840	9,720,072
2018	62,381,503	55,076,078	7,305,425
2017	62,934,154	58,269,314	4,674,840

PRESTASI KEWANGAN ASM

SUMBER PENDAPATAN ASM



58% - Geran Operasi ASM berjumlah RM10,675,654.

32% - Pelunasan geran tertunda, pendapatan tertunda dan dana sumbangan berjumlah RM5,920,781.

6% - Geran program yang diterima berjumlah RM1,182,849.

3% - Keuntungan pelaburan dana ASM berjumlah RM530,345 dari faedah deposit semasa dan tetap.

1% - Pendapatan lain berjumlah RM241,505 dari sewa, lebihan dari projek, bayaran balik GST dan lain-lain.

PEMBAHAGIAN GERAN OPERASI ASM



Peruntukan Diterima dari Kerajaan:
1) OPEX untuk 2019: RM8,000,000
2) Dana Tambahan: RM4,675,654

PRESTASI KEWANGAN ASM



JUMLAH PERBELANJAAN
RM15,862,331

38% - **Perbelanjaan Program Sains** berjumlah **RM6,072,266** adalah aktiviti yang diadakan oleh ASM untuk memenuhi 14 fungsi ASM seperti yang dinyatakan dalam Akta Akademi Sains Malaysia 1994.

37% - **Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan** berjumlah **RM5,860,156** terdiri daripada perbelanjaan operasi ASM yang merupakan perbelanjaan pentadbiran, gaji dan upah untuk kakitangan kontrak, komunikasi sains, keahlian termasuk urusan antarabangsa.

9% - **Perbelanjaan Lain** berjumlah **RM1,362,201** terdiri daripada yuran, insurans, faedah terakru dan hutang lapuk.

8% - Perbelanjaan **Sewaan** berjumlah **RM1,251,995.**

5% - **Gaji dan Upahan** untuk kakitangan tetap berjumlah **RM771,506.**

1% - **Manfaat Pekerja** terdiri daripada gantian cuti rehat pekerja dan ganjaran pekerja kontrak berjumlah **RM237,644.**

1% - **Susut Nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan** berjumlah **RM172,332.**

1% - **Pemberian dan Bayaran Tetap** terdiri daripada sumbangan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan ASM (ASM KSKK), pencen dan langganan tahunan antarabangsa berjumlah **RM134,231.**



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
AKADEMI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Akademi Sains Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524) serta Peraturan-peraturan Akademi Sains Malaysia 1995.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Akademi Sains Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Majlis Akademi Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524) serta Peraturan-peraturan Akademi Sains Malaysia 1995. Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Akademi Sains Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Akademi Sains Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Akademi Sains Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Peraturan 12 (6) Peraturan-peraturan Akademi Sains Malaysia 1995 menetapkan Majlis hendaklah melantik jawatankuasa kerja dan kumpulan kerja, sebagaimana dan apabila difikirkan perlu, untuk memudahkan pengendalian Akademi dengan efisyen dan berkesan. Majlis hendaklah menyediakan prosedur bagi penjalanan jawatankuasa kerja dan kumpulan kerja. Pengauditan penyata kewangan yang dilaksanakan menunjukkan Tatacara Kewangan dan Perakaunan Akademi Sains Malaysia yang berkuat kuasa mulai 31 Julai 2004 tidak dikemaskini berdasarkan prosedur kerja yang diguna pakai pada masa kini. Majlis hendaklah meluluskan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang diguna pakai di Akademi Sains Malaysia. Akademi Sains Malaysia hendaklah memastikan Tatacara Kewangan dan Perakaunan serta *Standard Operating Procedure* (SOP) yang diguna pakai oleh ASM dikemas kini dan diluluskan secara rasmi supaya ianya sah sebagai panduan terhadap prosedur kerja yang dijalankan.

Sijil ini dibuat untuk Majlis berdasarkan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524) serta Peraturan-peraturan Akademi Sains Malaysia 1995 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(MOHD NASRI BIN MOHD NASIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
15 SEPTEMBER 2020

Academy of Sciences Malaysia

PENYATA PRESIDEN DAN BENDAHARI KEHORMAT AKADEMI SAINS MALAYSIA
STATEMENT BY PRESIDENT AND HONORARY TREASURER OF THE ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA

Kami, **PROFESSOR DATUK DR ASMA BINTI ISMAIL FASc** dan **DATUK DR. ABDUL RAZAK BIN MOHD ALI FASc,** yang merupakan Presiden dan Bendahari Kehormat AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM) dan juga Ahli Majlis, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis ASM, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama kedudukan ASM pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

We, ***PROFESSOR DATUK DR. ASMA BINTI ISMAIL FASc*** *and* ***DATUK DR. ABDUL RAZAK BIN MOHD ALI FASc****, being the President and Honorary Treasurer of the ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA (ASM) as well as Council Members, do hereby declare that, in the opinion of ASM Council, the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Net Assets, Statement of Cash Flows and Statement of Comparison Budget and Actual together with the notes contained therein are drawn up in order to give a true and fair view of the financial position of ASM as at 31 December 2019 and the resulting revenues and changes in the financial position of the period ending on that date.*

Bagi pihak Majlis
On behalf of the Council

PROFESSOR DATUK DR. ASMA BINTI ISMAIL FASc
Presiden / *President*

Akademi Sains Malaysia / *Academy of Sciences Malaysia*

Bagi pihak Majlis
On behalf of the Council

DATUK DR. ABDUL RAZAK BIN MOHD ALI FASc
Bendahari Kehormat / *Honorary Treasurer*
Akademi Sains Malaysia / *Academy of Sciences Malaysia*

KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Tarikh / *Date:* 15 SEP 2020

Menara MATRADE
Tingkat 20, Sayap Barat
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

+6 03 6203 0633 T
+6 03 6203 0634 F

www.akademisains.gov.my

Academy of Sciences Malaysia

PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN AKADEMI SAINS MALAYSIA
DECLARATION BY CHIEF EXECUTIVE OFFICER ON THE FINANCIAL MANAGEMENT OF THE ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA

